Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڠ ايمان

DARI Anas bin Malik ia berkata, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Sesungguhnya perumpamaan orang-orang yang berilmu pengetahuan di muka bumi ini seperti bintang-bintang di langit yang menjadi petunjuk dan menerangi di dalam kegelapan sama ada di daratan mahupun di lautan, apabila ia terbenam atau hilang dikhuatiri akan hilang arah tujuan".

(Riwayat Al Imam Ahmad)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.12 | ASAR 3.22 | MAGHRIB 6.14 | ISYAK 7.23 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 116 | 27 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأخير 5 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

دولة كباواه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik 79 Tahun

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# BERSEDEKAH LAHIRKAN MASYARAKAT PRIHATIN, HAKIS SIFAT PENTINGKAN DIRI

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

MAJLIS ILMU 2025

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Sedekah bukan sahaja dapat membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga berfungsi sebagai penolak bala dan ubat penyembuh penyakit, sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya: 'Ubatilah pesakit kamu dengan sedekah'.

Pengertian sedekah sangat luas, ia bukan hanya terbatas kepada bentuk harta atau wang ringgit, tetapi juga meliputi semua bentuk sumbangan yang ikhlas kerana Allah termasuk tenaga, ilmu, masa dan juga doa.

**>> Muka 4**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**

# Berangkat ziarahi jenazah Allahyarham 106 Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengangkat dan mengusung jenazah Allahyarham 106 Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3*).**

# Berita Utama




AMALAN sedekah menjadi tunjang keberkatan, kemakmuran NBD
**Muka 10**



MAJLIS Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-32
**Muka 12**



MAJLIS kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-67 Masjid Omar 'Ali Saifuddien
**Muka 18**



RENCANA

PAMERAN Majlis Ilmu 2025 : Menuntut amalan bersedekah
**Muka 27**

# Guru ejen perubahan cetus pertumbuhan, perkembangan inovasi kurikulum pendidikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35 Tahun 2025 pada Selasa, 1 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 23 September 2025 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**SEGALA** puji dan syukur bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berhimpun di Majlis Sambutan Hari Guru kali Ke-35 sebagai tanda menghargai dan mengiktiraf jasa dan dedikasi para guru.

Guru adalah nadi utama dalam menjayakan transformasi pendidikan. Sesuai dengan tema kita tahun ini iaitu 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', ia bukan sahaja mencerminkan peranan penting guru sebagai pemacu kepada transformasi ke arah masa depan yang lestari dan berdaya tahan. Di samping itu, guru juga berperanan sebagai ejen perubahan bagi memupuk dan mencetuskan pertumbuhan dan perkembangan inovasi dalam kurikulum pendidikan.

Beta mengambil maklum bahawa dengan kepesatan teknologi digital, semakin banyak sumber-sumber rujukan dan juga alat-alat bantu belajar yang tersedia. Penggunaan teknologi terutama teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) semakin memudahkan tugasan. Generasi masa kini semakin banyak bergantung kepada AI dalam membantu penyelesaian tugasan mereka. Oleh itu, beta menyeru para guru supaya tidak boleh ketinggalan dalam memanfaatkan kelebihan AI. Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) perlu menyediakan peluang pembangunan kapasiti kepada para guru supaya tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa.

Namun pada hemat beta, kebergantungan yang berlebihan kepada AI boleh melemahkan keupayaan berfikir secara mendalam, dan menjejaskan kreativiti dalam jangka masa panjang. Menyedari akan impak negatif perkara ini maka beta menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan yang telah menghasilkan sebuah buku Panduan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pendidikan sebagai langkah awal ke arah menyediakan kerangka kebangsaan AI dalam pendidikan. Sehubungan itu, sukacita beta memperkenankan pelancaran buku 'GenAI Guidance for Education' pada hari ini.

Beta berharap buku panduan ini akan dapat memastikan para pelajar dan guru memanfaatkan AI dalam pembelajaran dan pengajaran secara beretika, berhemah, bertanggungjawab dan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

>> Muka 11

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | SABTU | 5 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 28 | AHAD | 6 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 29 | ISNIN | 7 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.12 | 3.22 | 6.13 | 7.22 |
| 30 | SELASA | 8 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.13 | 7.22 |
| 1 OKTOBER | RABU | 9 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 2 | KHAMIS | 10 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 3 | JUMAAT | 11 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.30 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 25 °C | 34 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 24 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 24 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 33 24 °C | 33 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 27 SEPTEMBER 2025

# Sentiasa amanah dalam melaksanakan pekerjaan

**MENGHIASI** diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah satu keutamaan bagi membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Di dalam Islam, orang-orang yang berakhlak baik dan mulia ini akan menempati kedudukan yang tinggi di dunia dan juga di akhirat. Perkara tersebut ditegaskan menerusi Khutbah Jumaat minggu ini.

Adapun antara akhlak mulia yang patut dimiliki oleh setiap umat Islam itu adalah amanah. Apakah dia sifat amanah? Amanah adalah segala sesuatu yang dipercayakan kepada manusia, baik yang menyangkut hak dirinya, hak orang lain mahupun hak Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam khutbah juga menekankan bahawa agama Islam menganjurkan umatnya agar menghiasi diri dengan sifat amanah. Betapa besar kepentingan amanah itu sehingga ia dijadikan sebagai salah satu sifat yang wajib bagi seorang rasul. Tanpa ada sifat amanah, sesuatu matlamat itu tidak mungkin akan tercapai seperti yang dirancang.

Sesungguhnya amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan sangat berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh diambil ringan. Adapun antara contoh yang boleh dikaitkan dengan amanah itu adalah mengamalkan sifat amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama ada seseorang itu bekerja sendiri, bekerja di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Seorang pekerja yang amanah melihat pekerjaan itu sebagai tanggungjawab yang bakal dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang satu-satu jawatan dalam pekerjaan kerajaan hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan.

Perihal menjaga amanah di dalam pekerjaan, terdapat beberapa perkara yang perlu kita jaga dan titikberatkan, antaranya ialah menjaga dan menepati waktu bekerja, jujur dalam mencari sumber kewangan tanpa melibatkan rasuah mahupun penipuan, tidak menzalimi dan menindas orang lain untuk memenuhi kepentingan diri sendiri, sentiasa tekun dan ikhlas ketika bekerja dan tidak mengkhianati pekerjaan yang telah diberikan dan seumpamanya.

Kita hendaklah sentiasa amanah dan melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan diri, potensi dan kepakaran yang dimiliki dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan. Oleh itu, seorang pekerja mestilah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan amanah dan melaksanakan sesuatu tugas dengan memikirkan bahawa hasil daripada pendapatan itulah yang akan menjadi sumber utama rezeki untuk diri sendiri dan juga keluarga. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT ZIARAHI JENAZAH ALLAHYARHAM 106 LEFTENAN KOLONEL (B) DATO SETIA HAJI MOHD. SAMID



**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham 106 Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong dan seterusnya menunaikan Sembahyang Jenazah (atas, kiri dan bawah kanan).**

**JERUDONG**, Jumaat, 26 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham 106 Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong, pagi tadi.

Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyertai Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham 106 Leftenan Kolonel (B) Dato Setia Haji Mohd. Samid telah kembali ke rahmatullah di Pusat Pakar Pantai Jerudong(Pantai Jerudong Specialist Centre-PJSC).

Semasa hayatnya, Allahyarham telah dikurniakan bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (DSNB) Kelas Kedua.

Allahyarham pernah berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebelum bersara daripada perkhidmatan ketenteraan. Allahyarham juga dikenali sebagai antara wira sukan menembak negara yang pernah mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di persada serantau.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, empat anak dan 10 cucu.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di tanah perkuburan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas kiri).**



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

PELITA BRUNEI

# Bersedekah lahirkan masyarakat prihatin, hakis sifat pentingkan diri

>> Muka 1

Malah, menyingkirkan suatu rintangan dari jalan juga adalah sedekah, dan bahkan memberikan senyuman kepada orang lain pun dianggap sedekah, sebagaimana disebut dalam hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bertitah demikian semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya menyatakan, sedekah terbahagi kepada dua, sedekah sunat dan sedekah wajib.

"Sedekah wajib ialah zakat. Beta pernah menitahkan supaya pengurusan zakat, termasuk cara pengutipan dan pengagihannya, hendaklah diurus dengan sebaik-baiknya. Beta menaruh harapan yang tinggi agar pihak berkepentingan dalam pengurusan zakat dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh amanah, telus dan adil lagi efisien, supaya tidak menimbulkan keresahan masyarakat khususnya kepada mereka yang berhak menerima zakat," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menekankan mengenai kepentingan pengurusan wakaf, yang merupakan satu amalan berpanjangan sebagai sedekah jariah.

Di era teknologi kini, titah baginda, sedekah boleh dipermudahkan tanpa mengira masa dan tempat melalui pemindahan wang secara dalam talian, kaedah pembayaran digital, aplikasi mudah seumpamanya alih dan seumpamanya.

"Kerajaan beta telah pun mewujudkan berbagai - bagai Tabung seperti Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Tabung Amal Bantuan Pesakit melalui perkhidmatan SMS dan aplikasi MyDst.

"Semua platform ini diwujudkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sedekah atau derma, dan bagi menanam sikap pemurah dalam jiwa rakyat melalui amalan bersedekah," titah baginda.

Terdahulu itu, Kebawah DYMM bertitah, menzahirkan perasaan gembira melihat Majlis Ilmu terus menjadi tradisi sebagai salah satu acara yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda.

Tidak syak lagi, titah baginda, Majlis Ilmu adalah perhimpunan yang membawa rahmat dan berkat kepada kita dan negara kerana ilmu sendiri adalah cahaya.

Menurut titah Kebawah DYMM lagi, Majlis Ilmu bukan sekadar tuntutan intelektual, malah merupakan satu bentuk ibadat yang boleh mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh mengenai Tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu 'Negara Ditanai Dengan Sedekah', baginda bertitah, tema ini membawa maksud yang amat mendalam, bahawa sedekah bukan sekadar amalan individu, bahkan ia juga merupakan asas pembinaan sebuah negara.

Jika tanah disuburkan dengan tanam-tanaman, dan sayur-sayuran, titah baginda, maka negara pula hasilnya adalah buah-buahan dan jika ditanai dengan sedekah, hasilnya adalah keberkatan, keamanan dan kesejahteraan.

Dalam konteks kehidupan bernegara, titah Kebawah DYMM lagi, tidak diragukan, sedekah adalah mampu untuk melahirkan masyarakat prihatin dan menghakis sifat mementingkan diri sendiri.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, orang-orang yang bersedekah adalah mereka yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah, dan ganjarannya amat besar di sisi Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang tafsirnya: "Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah ialah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui".

Titah baginda lagi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menegaskan bahawa sedekah menyuburkan harta, bukan mengurangkan harta.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

# BERKENAN BERANGKAT KE PERASMIAN MAJLIS ILMU 2025

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama pada majlis sambutan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kiri).**

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama pada majlis sambutan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador -at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 iaitu Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

>> Muka 5





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa dibacakan (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pelancaran buku dwibahasa 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' pada Majlis Ilmu 2025.**

**>> Muka 4**

Turut menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani serta Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-Baqarah, ayat 261 hingga 264 yang dibacakan oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2025, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Manakala inti sari ayat pula dibacakan oleh Pegawai Pelajaran di Kementerian Pendidikan, Awang Muhammad Zainuddin Shah bin Talip.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya antara lain menggariskan tema Majlis Ilmu 'Negara Ditanai Dengan Sedekah', yang mengangkat budaya memberi sebagai asas kekuatan rohani dan sosial, pemangkin keberkatan serta teras pembangunan negara yang sejahtera lagi dirahmati Allah.

Menurut Yang Berhormat, tema ini merupakan satu gagasan yang mengangkat sedekah bukan sekadar amalan memberi tetapi sebagai asas kekuatan sosial, penolak atau penghindar bala dan pemangkin keberkatan negara.

"Tema ini selaras dengan titah Kebawah Duli Tuan Patik bersempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi iaitu : "*Rahsia sedekah sungguh istimewa. Ia bukan sahaja untuk membantu golongan yang memerlukan tetapi sedekah juga adalah penolak bala dan bahkan ubat penawar untuk menyembuhkan penyakit*".

"Majlis Ilmu 2025 akan memperincikan tajuk sedekah, mencakupi zakat, bantuan kebajikan dan segala bentuk sumbangan yang memupuk sifat pemurah, mengikis sifat individualistik serta memperkukuh perpaduan ummah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa Majlis Ilmu 2025 ini dihasrat untuk menjadi wahana yang bukan sahaja memperkukuh kefahaman tentang fadilat sedekah, malah menggerakkan seluruh lapisan masyarakat untuk menjadikannya sebagai budaya hidup yang berterusan. Sedekah, dalam erti kata yang luas sama ada dalam bentuk harta, ilmu, masa, mahupun tenaga adalah asas pembinaan ummah yang penyayang, bersatu padu dan berdaya tahan.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa melalui penghayatan tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' ini, ia turut menzahirkan aspirasi untuk menyemai budaya memberi yang ikhlas dan inklusif, merentasi perbezaan latar belakang, demi mengikis sifat mementingkan diri dan menumbuhkan rasa empati serta ukhuwah Islamiah.

Selain itu, sembah Yang Berhormat, ia dapat memperkukuh jaringan kerjasama melalui pendekatan senegara yang meliputi kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) supaya masyarakat berganding bahu membina sistem sokongan sosial yang mampan serta memastikan kelestarian amalan sedekah melalui pendidikan, inovasi dan penglibatan generasi muda, agar manfaatnya terus mengalir kepada masyarakat dan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menguruniakan titah dan melancarkan sebuah buku bertajuk 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'.

Penekanan tema Majlis Ilmu tahun ini disampaikan melalui Ceramah Khas oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan bertajuk 'Negara Brunei Darussalam Ditanai Dengan Sedekah'.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan berangkat bagi menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2025 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' yang memaparkan, antara lainnya, dalil Al-Quran, hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan titah Kebawah DYMM mengenai sedekah sebagai penolak bala dan penawar penyakit.

Pameran ini dihasratkan untuk menerapkan prinsip sedekah sebagai teras pembangunan dan kesejahteraan negara, serta menyoroti usaha senegara dalam memperkukuh amalan sedekah dan menghidupkan budaya bersedekah melalui bantuan kebajikan, zakat, wakaf dan sumbangan berterusan. Beberapa agensi kewangan, institusi pendidikan, perbankan, sektor swasta dan NGO juga telah ikut serta dalam pameran tersebut.



**BUKU 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' (The Country is Upheld with Charity) yang telah dilancarkan pada majlis tersebut.**

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM dijunjung bagi berangkat menghadiri Majlis Santap dan sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025.

**>> Muka 6**





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya (atas). Sementara gambar kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**





**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025.**

**>> Muka 5**

Majlis Ilmu merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai wadah penyebaran ilmu, sekali gus menjadi tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah DYMM.



**KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (atas).**

Acara ini bertujuan untuk memberikan dan menyajikan ilmu serta maklumat yang bermanfaat kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Setiap tahun, Majlis Ilmu mengangkat tema yang menggariskan kepentingan nasional yang signifikan. Pada tahun ini, dengan tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah', penekanan diberikan kepada inisiatif sedekah yang berteraskan kebajikan, kesejahteraan sosial serta pembangunan nilai-nilai Islam dalam memperkukuhkan keberdayatahanan negara.

Tema ini menjadi pemangkin dalam memperluas kefahaman masyarakat mengenai sedekah sebagai asas kemakmuran dan keharmonian Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu 2025 akan diteruskan lagi dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 pada 27 September 2025 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025 pada 30 September 2025, manakala Pameran Majlis Ilmu 2025 akan dibukakan kepada orang ramai mulai 25 September 2025 hingga 1 Oktober 2025.

Majlis Ilmu tahun ini dianjurkan bersama oleh JPM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah (atas).**



**KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (kanan).**

# PAMERAN MAJLIS ILMU TEKANKAN PERANAN SEDEKAH DALAM MEWUJUDKAN NEGARA ZIKIR




**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2025 (atas kiri, bawah kiri dan bawah kanan), manakala gambar atas kanan, baginda berkenan menandatangani lembaran kenangan.**

MAJLIS ILMU 2025

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Pameran Majlis Ilmu 2025 bertemakan 'Negara Ditanai dengan Sedekah' bukan sahaja menyingkap keutamaan dan fadilat sedekah, tetapi juga mempamerkan sejauh mana nilai murni ini disalurkan dalam dasar kerajaan, institusi agama, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi dan peranan masyarakat sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' yang membawa maksud 'Negeri yang baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun' yang menjadikannya sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan sentiasa dalam lindungan serta keampunan Allah Subhanahu Wata'ala, serta dikenali sebagai Negara Zikir.

Pameran terbahagi kepada tiga iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Mufti Kerajaan di Zon Satu : Ilmu Sedekah dan Amal Raja Berjiwa Rakyat; dan Pavilion Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Manakala di Zon Dua : Peranan Kerajaan, Institusi Agama dan Sektor Swasta termasuk Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB); Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM); Print Plus Sdn. Bhd.; Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); DST Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd.; Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM); Majlis Belia Brunei (MBB); Hand4Hand Brunei; dan La Vida.

Pameran KHEU memperkenalkan definisi, konsep dan jenis-jenis sedekah sebagai amalan ikhlas yang menyuburkan budaya memberi.

Di samping itu, ia menjelaskan syarat - syarat sedekah agar menepati tuntutan syariat, serta mengetengahkan fadilat sedekah menurut Al-Quran dan hadis, antaranya melalui penyucian harta, keberkatan hidup dan ganjaran berlipat ganda.

Akhirnya, dipaparkan kaitan sedekah dengan Maqasid Syariah yang menyokong pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta demi kesejahteraan sosial.

Sementara itu, pameran Jabatan Mufti Kerajaan menekankan pengertian wakaf sebagai amalan kebajikan berterusan yang memberikan manfaat kepada umat, selain itu ia menyorot Program Wakaf Ilmu yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan sebagai inisiatif menyokong pembangunan ilmu melalui sumbangan wakaf.

Pengunjung akan didedahkan dengan latar belakang program dan pakej-pakej wakaf yang disediakan untuk masyarakat.

Di Pavilion YSHHB pula, menampilkan peranan dan tanggungjawabnya sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat diraja sebagai tanda kasih sayang dan pemedulian baginda kepada rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pameran di pavilion tersebut memperlihatkan inisiatif utama YSHHB dalam bidang keagamaan, kebajikan dan pendidikan termasuk sumbangan dakwah dan syiar Islam, penyediaan bantuan peralatan dan pakaian ibadat, program Ihsan Ramadan, skim kebajikan masyarakat, pembangunan kapasiti kesukarelawanan, serta program intervensi pendidikan.

Manakala, pameran JAPEM menampilkan pelbagai program bantuan termasuk bantuan kewangan daripada kerajaan seperti Pencen Umur Tua, Bantuan Kebajikan Bulanan, Elaun Kurang Upaya dan Elaun Penyediaan Penjaga yang telah menyalurkan dana sebesar puluhan juta dolar hingga Ogos 2025.

Selain itu, dipaparkan pula pengelolaan empat tabung utama di bawah JAPEM untuk anak-anak yatim, orang kelainan upaya, warga emas dan badan amal kebangsaan, yang telah mengumpulkan jutaan ringgit Brunei hingga September 2025.

Di samping itu, pameran ini juga menyoroti inisiatif pendidikan seperti Program Biasiswa Anak Yatim dan bantuan kemanusiaan antarabangsa dengan jumlah 32 tabung yang dibuka sejak tahun 1991 hingga 2025.

Sementara di pameran MUIB dan JUZWAB pula menjelaskan tiga hal utama berkaitan kewajipan zakat, golongan yang berhak menerima zakat (asnaf), dan skim-skim agihan zakat, dengan menggariskan bahawa terdapat lapan golongan penerima zakat (asnaf) yang disebutkan dalam surah At-Taubah ayat 60.

Namun di NBD, hanya ada enam golongan asnaf yang diakui sesuai dengan Fatwa Mufti Kerajaan, iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, Al-Gharimin, dan Ibnu sabil.

Zakat yang diagihkan ini disalurkan melalui pelbagai skim, termasuk bantuan bulanan, bantuan persekolahan, sewa rumah, modal perniagaan, serta program latihan atau penempatan kerja.

Sementara itu, pameran JHEM memaparkan usaha jabatan dalam menubuhkan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid di Negara Brunei Darussalam, di samping memuatkan projek-projek yang dilaksanakan oleh JHEM.

**>> Muka 8**











**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan, paduka-paduka anakanda baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan pada majlis berkenaan.**

**>> Muka 7**

Pameran Print Plus Sdn. Bhd. pula memaparkan usaha Print Plus Sdn. Bhd. yang menekan 'Percetakan dengan Tujuan', yang menyumbangkan cetakan naskhah Al-Quran dan mengumpulkan dana untuk Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Print Plus Sdn. Bhd. menunjukkan bagaimana sektor swasta berperanan aktif dalam memperkasakan komuniti dan menyokong aspirasi negara.

Turut dipamerkan ialah Institusi Pengajian Tinggi iaitu UBD yang memperlihatkan Modul Melayu Islam Beraja (MIB) di Akademi Pengajian Brunei UBD dan hubungannya dengan konsep sedekah.

Modul ini merupakan modul yang diwajibkan sejak 1992, bertujuan untuk menanamkan pemahaman mendalam tentang MIB dan membentuk nilai-nilai yang positif pada mahasiswa.

Pameran ini menekankan bagaimana modul ini mengintegrasikan aktiviti khidmat masyarakat untuk memupuk semangat bersedekah, seperti 'sedekah ilmu' dan 'sedekah masa'.

Manakala, pameran UNISSA pula menonjolkan usahanya dalam membentuk generasi Khayra Ummah melalui penerapan budaya khairat dan khidmat masyarakat.

Melalui kursus wajib khidmat masyarakat sebanyak 50 jam, mahasiswa digalakkan menyumbang bukan sahaja dalam bentuk material, tetapi juga tenaga, masa, kemahiran dan kepakaran demi kesejahteraan masyarakat di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pameran UTB memfokuskan terhadap pelaksanaan projek di universiti ini bersama Majlis Perwakilan Pelajar menganjurkan inisiatif tahunan seperti UTB Ramadan Drive dan UTB Volunteering Programme yang dilaksanakan di keempat-empat daerah.

Program ini melibatkan kerja-kerja amal, bantuan keluarga kurang berkemampuan, aktiviti bersama warga berkeperluan khas dan kempen kebersihan, dengan tujuan untuk memupuk sifat prihatin, empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan belia melalui penglibatan aktif dalam komuniti.

Sementara itu, pameran KUPU SB memperlihatkan usaha KUPU SB meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan dan memupuk nilai empati serta tanggungjawab sosial melalui Projek Libatsama Komuniti (Kokurikulum - Pusat Ilmu Teras), di samping memberi kesedaran kepada mahasiswa tentang kepentingan hidup berkomuniti dan mengembangkan daya sosial mereka agar sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat.

Pameran BIBD pula, menyajikan bagaimana bank ini memanfaatkan teknologi atau inovasi digital untuk memudahkan amalan bersedekah melalui platform seperti BIBD Mobile dan kempen khas untuk menggalakkan sumbangan, di samping menyoroti inisiatif pendidikan melalui program BIBD ALAF (Advocating Life-Long Learning for Aspiring Future) yang memberikan bantuan kepada anak-anak kurang bernasib baik bagi memutuskan lingkaran kemiskinan dan memastikan setiap orang mendapat peluang pendidikan yang adil.

Manakala, pameran Perbadanan TAIB memaparkan peranan dan inisiatifnya yang merangkumi pelbagai sumbangan dan program bagi membantu masyarakat, memperkasa pendidikan dan mengukuhkan peranan TAIB dalam pembangunan sosial di NBD.

Pameran DST Sdn. Bhd., menyoroti platform *crowdfunding digital* untuk membantu pesakit mendapatkan peralatan perubatan melalui Tabung Amal Bantuan Pesakit. Inisiatif ini merupakan perluasan daripada program CSR DST secara berterusan.

Pameran Imagine Sdn. Bhd. menyoroti peranannya dalam melaksanakan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui tiga tonggak utama, iaitu masyarakat, agama dan sukan, yang mana CSR ini merangkumi pelbagai inisiatif seperti menyokong pendidikan, kesihatan, keusahawanan, program keagamaan, bantuan kebajikan dan penganjuran acara sukan.

Imagine Sdn. Bhd. berperanan memperkasa masyarakat, membangun bakat tempatan dan menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, pameran MKM menonjolkan usaha berterusan MKM untuk membantu keluarga kurang berkemampuan untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan melalui projek jangka panjang yang memperkasakan diri, menyediakan sumber kewangan, pekerjaan dan akses pendidikan.

Salah satu projek utama yang dilaksanakan ialah Projek Kembali Ke Sekolah (sejak 2015) bagi membantu anak-anak klien membeli keperluan persekolahan seperti alat tulis, uniform, kasut, beg dan buku.

Manakala, pameran MBB pula menjelaskan bagaimana NGO ini menyokong kepemimpinan belia, terutama melalui inisiatif kemasyarakatan dan kesukarelawan seperti Program Ihsan, dan menekankan pentingnya kerjasama padu antara golongan belia dengan pihak - pihak berkepentingan dengan memfokuskan kepada pembangunan belia berlandaskan pendekatan MIB.

Pameran Hand4Hand Brunei menonjolkan inisiatif kebajikan yang meringankan kesusahan komuniti kurang bernasib baik, terutama kanak-kanak melalui sumbangan pakaian, mainan dan aksesori bayi. Program The Kids' Clothes & Toys Donation Drive berjaya mengagihkan lebih 10,000 helai pakaian, 2,000 aksesori bayi, dan 15,000 mainan dengan nilai sumbangan dianggarkan BND517,440 dengan dibantu oleh 245 sukarelawan yang menyumbang kepada 1,715 jam khidmat masyarakat.

Pameran La Vida menyoroti program - program yang membantu individu dan keluarga berdikari melalui sokongan komuniti yang prihatin menerusi projek Mobile Dream Chaser (MDC).

Salah satu kejayaan yang dipaparkan ialah bagaimana pelajar berkeperluan khas berjaya mendapat pekerjaan dan menjana pendapatan melalui karya seni.






# DPMM FC TEWAS KEPADA KELANTAN THE REAL WARRIORS FC





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Jumaat, 26 September. - DPMM FC terpaksa berputih mata selepas tewas 1 - 2 kepada Kelantan The Real Warriors FC pada Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 yang berlangsung malam tadi, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lain.

Separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC memulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan kepada Kelantan The Real Warriors FC melalui serangan bertali arus menggegarkan pertahanan lawan.

Gol pembukaan Kelantan The Real Warriors FC berjaya dijaringkan pada minit ke-36 melalui sepakan Ifedayo Olusegun Patrick Omosuyi.

Selang lima minit kemudian, gawang DPMM FC sekali lagi digegarkan apabila Muhammad Nor Azam Abdul Azih menambah lagi gol bagi pasukan Kelantan The Real Warriors FC menjadikan kedudukan 0 - 2 pada minit ke-41.

Meskipun DPMM FC mengawal permainan dengan bijak dan hampir sahaja menjaringkan gol, namun sering tersasar dari pintu gawang.

Bersambung babak kedua perlawanan, DPMM FC terus melancarkan serangan demi serangan dan akhirnya berjaya memperoleh gol pertama pada minit ke-52 melalui sepakan Jordan De Paula Rodrigues menjadikan kedudukan 1 - 2.

Peluang DPMM FC untuk menyamakan kedudukan tidak berhasil apabila sepakan penalti Muhammad Ramadhan Sananta berjaya dipintas oleh penjaga gawang Kelantan The Real Warriors FC, Muhammad Azfar Arif Mohd. Sukri pada minit-minit akhir perlawanan.

Kedudukan 1 - 2 kekal hingga ke wisel penamat, sekali gus memastikan tiga mata milik Kelantan The Real Warriors FC.

Saingan DPMM FC di Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 seterusnya ialah menentang Melaka FC pada 30 September 2025 di Stadium Hang Jebat, Melaka.







**SEKITAR perlawanan antara DPMM FC dan Kelantan The Real Warriors FC (kanan), manakala gambar kanan sekali, antara para penyokong yang hadir pada malam tersebut.**

# Ribut Tropika Bualoi dijangka akan mempengaruhi cuaca NBD

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga hujung bulan September tahun ini.

Pada jam 11.00 pagi waktu tempatan hari ini, Rabu (24 September 2025), Taufan Ragasa telah dikesan di koordinat 21.3 darjah utara 113.2 darjah timur, sekitar 1,871 kilometer (km) jauh dari NBD.

Pada masa yang sama, Ribut Tropika Bualoi telah dikesan di koordinat 10.1 darjah utara 132.0 darjah timur, sekitar 1,800km jauh dari NBD.

Ribut Tropika Bualoi diramalkan akan bergerak ke arah Barat Laut.

Taufan Ragasa dijangka tidak lagi akan mempengaruhi keadaan cuaca NBD.

Walau bagaimanapun, Ribut Tropika Bualoi dijangka secara tidak langsung akan mempengaruhi keadaan cuaca negara kita.

Keadaan cuaca aktif diramalkan akan bermula Jumaat (26 September 2025) sehingga Sabtu (27 September 2025). Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir berserta angin kencang dijangka akan menjejaskan kebanyakan kawasan negara dengan kelajuan angin sehingga 55kmsj semasa atau dekat hujan lebat.

Manakala di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya di paras sedikit ke sederhana dengan ketinggian ombak di antara 0.6 hingga 1.2 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko berlakunya kejadian pokok tumbang dan atap terbang semasa hujan lebat dan berangin kencang. Risiko banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai juga boleh berlaku semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram dan WhatsApp kami *Brunei Weather*.

# AMALAN SEDEKAH MENJADI TUNJANG KEBERKATAN, KEMAKMURAN NBD

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sejak dahulu lagi subur dengan amalan sedekah yang menjadi tunjang keberkatan dan kemakmurannya.

Demikian antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'NBD Ditanai Dengan Sedekah' yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam ceramahnya, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menekankan jasa besar raja-raja Brunei terdahulu yang sentiasa menanamkan niat suci melalui amal sedekah sama ada dalam bentuk dakwah, harta benda dan sebagainya.

Tanpa menafikan jasa-jasa raja-raja Brunei yang terdahulu, Yang Berhormat Mufti Kerajaan juga menyentuh mengenai sumbangan besar Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28, yang digelar perintis Brunei moden serta Pengasas Perlembagaan 1959 yang menjadi *turning point* bagi NBD untuk mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat.

Semasa hayat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, salah satu contoh nyata 'niat suci' baginda ialah pengenalan Skim Pencen Tua Bulanan seumur hidup, walaupun pada ketika itu, tegas Yang Berhormat, ekonomi negara masih sahaja di tahap permulaan.

Namun, Yang Berhormat menyatakan, Skim Pencen Tua Bulanan yang berusia hampir satu abad ini, masih sahaja terus dapat dinikmati oleh seluruh warga emas rakyat Kebawah Dulu Yang Maha Mulia, sampai sekarang.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei Ke-29 pula, jelas Yang Berhormat, terus melanjutkan tradisi sedekah melalui pelbagai dasar berpaksikan berkat, antaranya mengislamkan undang-undang, mengharamkan arak, membuka pintu subsidi dan bantuan serta menubuhkan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Baginda juga, menurut Yang Berhormat, sama sahaja memiliki niat suci untuk rakyat, negara dan ugama. Baginda memiliki visi yang sangat jauh untuk negara, contohnya untuk mendapatkan berkat serta menjauhkan laknat, baginda telah mengislamkan undang-undang dan bersedekah amal soleh dengan mengharamkan arak.

Walaupun mungkin ada yang berpendapat, langkah mengharamkan arak merugikan, namun sebaliknya ia menguntungkan dari segi balasan dunia dan akhirat dan dengan pengharaman arak ia akan menjamin negara selamat daripada pelbagai bencana berupa penyakit, kemalangan - kemalangan atau kematian-kematian disebabkan arak.

Menurut kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa pengambilan alkohol (arak) adalah menjadi punca 2.5 juta kematian pada setiap tahun, menurut Yang Berhormat.

Tegas Yang Berhormat lagi, banyak niat suci raja kita menjadi kenyataan contohnya memberikan pelbagai subsidi, bantuan, pemedulian dan menubuhkan YSHHB.

"Sepanjang hampir 60 tahun pemerintahan raja kita, pintu-pintu ini terus sahaja dibuka. Lalu berkatnya Brunei tetap sahaja makmur, tetap sahaja mampu untuk menyara rakyatnya, tanpa perlu mengambil walau satu sen pun daripada mereka.

"Rakyat terus menikmati pendidikan percuma, rakyat terus menikmati perubatan percuma, rakyat terus menikmati pendapatan tanpa diganggu oleh cukai pendapatan (*income tax*)," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, negara terus sahaja bersedekah bahkan meningkatkan kadar sedekah dari semasa ke semasa dan ini dapat dilihat dengan meningkatnya kadar jumlah pemberian pencen tua, yang mula diasaskan pada tahun 1955 pada kadar BND20 pada tahun permulaan.

Kini kadar tersebut semakin meningkat kepada BND25 sebulan dan beberapa tahun kemudian meningkat kepada BND30, BND50, BND100, BND150, BND200 hinggalah pada tahun 2006 kadar pemberian pencen tua meningkat menjadi BND250 sebulan.

Manakala kesejahteraan rakyat terus dizahirkan melalui sedekah dengan pemberian elaun mengikut kategori tertentu termasuk Elaun Orang Buta berjumlah BND250; Elaun Bercelaru Mental sebanyak BND250; Elaun Penyakit Kusta berjumlah BND250; Elaun Kurang Upaya 15 tahun ke atas BND250, Elaun Orang Kurang Upaya 15 tahun ke bawah BND150 dan Elaun Penyediaan Penjagaan sebanyak BND250.

"Ini semua adalah sedekah. Sedekah kerajaan raja kepada rakyat warga emas dan kepada warga kurang upaya. Kadar-kadar yang disebutkan ini walaupun nampak ianya tidak tinggi tetapi jangan ia dianggap kurang bermakna, jangan! Kerana ada maksud hadits Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam memberitahu, bahawa sedekah walau ia cuma setampik buah kurma adalah mampu untuk menjadi penyelamat daripada api neraka. Allahu akbar! Menyebut mengenai kurma ini, pada setiap tahun, menjelang bulan Ramadhan umat Islam di negara ini dapat menikmati buah kurma, sedekah atau kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia raja kita. Kadar kurma yang dibahagi-bahagikan kepada orang ramai bukan setampik atau sekilo dua tetapi 159.5 tan metrik. Subhanallah!

"Mari sama-sama kita amati bahawa pendekatan kerajaan raja untuk meringankan bebanan rakyat berupa bentuk kurnia-kurnia atau pemberian-pemberian atau subsidi-subsidi atau elaun-elaun termasuk membebaskan rakyat daripada cukai pendapatan (*income tax*), apakah ini bukan sedekah namanya? Ya, sedekah belaka. Kerajaan raja bersedekah kepada rakyat. Sedekah ertinya pemberian atau sumbangan secara percuma tanpa menghendaki apa-apa balasan. Itulah ia sedekah kerana sedekah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, Brunei telah meraih keberkatan luar biasa. Berkat bukan dibeli dan juga tidak nampak, yang nampak hanya kesannya sahaja seperti sedekah satu, dibalas dengan 10, maka 10 itulah kesan berkat.

Lebih membanggakan, tambah Yang Berhormat, hasil keberkatan amalan sedekah ini menjadikan Brunei unik di mata dunia. Laporan The World Economic Forum (2008-2009) menempatkan Brunei di tangga teratas dari segi pengurusan hutang kerajaan, sekali gus bebas daripada sebarang hutang awam - pencapaian luar biasa berbanding banyak negara lain, termasuk negara maju.

"Kerana raja dan kerajaan mendisiplinkan Brunei ditanai dengan sedekah, maka tumbuhlah berkat berupa kemakmuran, keamanan, rakyat hidup bersatu padu dan yang paling istimewa - Brunei terlepas daripada musibah hutang," ujar Yang Berhormat.

Majlis Ilmu 2025 ini sekali lagi menegaskan bahawa Brunei Darussalam adalah negara bertuah yang terus dipayungi berkat hasil sedekah pemimpinnya, yang sentiasa berlandaskan niat suci demi rakyat, agama dan negara.



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Ceramah Khas semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025.**






**PARA hadirin yang hadir menyerikan majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, buku 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**

# Merafakkan doa kesejahteraan Kebawah DYMM

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berdoa Allahumma ya Allah, ya Tuhan, mohon, supaya dilanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Mohon supaya baginda itu terus memimpin kami dengan kepimpinan baginda yang bijaksana. Mohon ya Allah, supaya dikurniakan kepada baginda kesihatan yang sempurna serta kekuatan yang berpanjangan untuk membawa kami dan negara ke mercu kegemilangan," doa Yang Berhormat Mufti Kerajaan bagi mengakhiri Ceramah Khas bertajuk 'Negara Brunei Darussalam Ditanai Dengan Sedekah' pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tambah Yang Berhormat Mufti Kerajaan, ya Allah ya Tuhan, mohon supaya diterima do'a ini, aamiin, aamiin, aamiin ya Rabbal 'alamin.



**SEKITAR Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

# TAZKIRAH HARI GURU SERIKAN MUNAJAT KHAS

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 September. - Seorang guru yang dapat menjadi pemangkin dalam dunia pendidikan, menjurus kepada sahsiah seorang guru yang unggul, manakala asas keunggulan guru pula ialah menjadi seorang *role model* kepada muridnya, dan ini sangat sejajar dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud : "...Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah Subhanahu Wata'ala dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)...".

Tugas sebagai guru bukanlah tugasan yang kecil, ia adalah amanah besar yang menyambung misi keguruan dalam menyampaikan ilmu dan menyempurnakan akhlak, satu tanggungjawab yang memerlukan keikhlasan, kesabaran dan visi yang jelas.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan di dalam tazkirah bertajuk 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Kharhan bin Haji Jait bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-200 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Dr. Kharhan seterusnya menyatakan maka itu, proses pengajaran dapat ditanai dengan baik untuk membentuk murid berakhlak mulia, menghormati fitrah anak (keperluan mereka), menyemai kasih sayang dan mengangkat martabat setiap insan dengan empati dan kefahaman yang mendalam. Inilah inklusiviti sebenar dalam dunia pendidikan lestari.

Pada masa yang sama jelasnya, kelangsungan hidup dan pendidikan pada zaman ini menuntut inovasi. Inovasi buat guru ialah pembaharuan atau penambahbaikan dalam kaedah, pendekatan atau alat pengajaran untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran murid, yang akan menjadikan proses pendidikan lebih relevan, menarik dan berkesan. Namun, inovasi tanpa nilai adalah kosong.

Maka tambahnya lagi, kita perlu menjadi guru yang lestari dan inovatif. Lestari dalam membina nilai yang kekal, berakal dengan akhlak serta berilmu, beramal dan bertakwa. Inovatif dalam pendekatan, teknologi dan visualisasi maya tanpa mengabaikan prinsip nilai.

Acara Munajat pada petang tadi disertai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dari Surau KHEU dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dari Dewan Utama Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyertai Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-200 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Turut serta, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga menyertai, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan serta para pegawai, guru-guru dan pelajar - pelajar dari sekolah-sekolah di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pengetua Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd Noor bersama pelajar - pelajar SASHHB dari surau sekolah berkenaan.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dari Surau As-Syafi'i, UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

Selesai tazkirah, disusuli dengan laungan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Awang Md Azani bin Haji Suhaili bersama guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Katok dari surau sekolah berkenaan.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah dari Musolla ITQSHHB.

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Dasar-dasar pendidikan juga perlu sentiasa dikemas kini seiring dengan perkembangan semasa agar sistem pendidikan negara kekal relevan. Maka ke arah ini, beta sukacita memperkenankan 'Pengemaskinian Klausa dan Terma Rujukan Akta Pendidikan Brunei (Bab 56), yang memberi kuasa kepada Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam untuk menganugerahkan kelayakan dan pensijilan bagi mata pelajaran tempatan di peringkat Menengah Atas dan Pra-Universiti'.

Pengemaskinian ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan dan kredibiliti Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam, dan sekali gus memastikan kelayakan yang dianugerahkan akan terus mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan beta juga turut menitikberatkan usaha untuk memperluaskan peluang pembelajaran di semua Institusi Pengajian Tinggi, termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan mempelbagaikan lagi program pengajian selaras dengan keperluan semasa. Sehubungan ini, beta sukacita memperkenankan 'Garis Panduan bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk menawarkan Program Hasilan Sendiri dan Menganugerahkan Kelulusan-kelulusan dalam Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)'. Dengan adanya garis panduan ini, kualiti program-program yang ditawarkan akan lebih relevan dengan keperluan negara, seterusnya meningkatkan kredibiliti IPTS.

Pada hemat beta, kejayaan di peringkat pengajian tinggi ini akan banyak bergantung kepada kualiti pendidikan asas yang diterima di peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi. Oleh itu, beta merasakan adalah sesuai bagi Kementerian Pendidikan dan KHEU dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan, untuk melakar sebuah Kerangka Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang Komprehensif. Ini bagi memastikan setiap kanak-kanak di negara ini menerima asas pendidikan yang holistik, inklusif dan berkualiti tinggi sejak peringkat awal lagi dengan mengambil kira juga kepentingan pendidikan agama.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga guru di negara ini. Beta berdoa semoga segala sumbangan para guru dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin.

Kepada penerima-penerima Anugerah Hari Guru, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berharap semoga penganugerahan ini akan menjadi motivasi untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan negara demi masa depan anak bangsa kita.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Buku 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' ketengahkan fadilat, kepentingan bersedekah




PENERBITAN buku dwibahasa 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Penerbitan buku dwibahasa 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' (The Country is Upheld with Charity) didukung oleh semangat yang tinggi untuk menjelaskan tentang peranan sedekah termasuk kepentingannya dalam pentadbiran sesebuah kerajaan dan negara.

Buku tersebut ada menyatakan mengenai fadilat sedekah yang tidak dapat dipertikaikan lagi kebenarannya, dan ia telah muktamad disebut oleh Al-Quran dan Al-Hadis.

Pahala dan kelebihan sedekah sangatlah besar. Ia dianggap pengorbanan di jalan Allah, kerana diri dan harta kita bukanlah milik mutlak kita, tetapi adalah pinjaman daripada Allah semata-mata.

Oleh itu, jika Allah menyuruh supaya diinfakkan, maka mestilah ia diinfakkan (dibelanjakan atau disumbangkan di jalan kebajikan).

Jangan ia (harta itu) ditahan, kerana menahannya bererti menahan pinjaman Allah daripada turut dinikmati oleh hamba-hamba-Nya yang patut menerima.

Sedekah sebagai amal soleh yang digalakkan dalam Islam dianggap sebagai pengorbanan di jalan Allah, dan ia tidak akan berkurang harta dengan sedekah, lebih banyak kita melakukannya, semakin banyak ganjaran yang kita terima, baik di dunia mahupun di akhirat.

Sedekah menurut Al-Quran dan Al-Hadis adalah menambah harta bukan mengurangkan harta, dan sedekah menolak bala, menghapus dosa dan menagih doa malaikat.

Kerana raja dan kerajaan mendisiplinkan Brunei ditanai dengan sedekah, berkat pun tumbuh di negara ini.

Negara aman makmur, rakyat bersatu padu dan paling luar biasa negara ini bebas dan terlepas daripada musibah hutang.

Bagaimana Brunei Darussalam ditanai dengan sedekah itu? Negara Brunei Darussalam adalah negara yang benar-benar ditanai atau ditatang atau ditadbir atau diurus dengan sedekah.

Buktinya boleh dilihat dari awal sejarah lagi, di zaman Sultan Brunei ketiga, Sultan Sharif Ali, baginda itu telah bersedekah dakwah, membawa seluruh rakyat Brunei memeluk agama Islam.

Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei ke-29, dua-dua raja ini berjasa besar dalam mengukir sejarah gemilang untuk Brunei.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah raja yang sentiasa berhias dengan 'niat suci' untuk rakyat, untuk negara dan untuk agama.

Dalam masa pemerintahan baginda, niat suci itu telah disempurnakan dengan sebaik-baiknya.

Salah satu contoh niat suci baginda yang telah dilaksanakan ialah menyangkuti sekalian warga emas di negara ini dengan kurnia sedekah 'Pencen Tua Bulanan' seumur hidup dan masih sahaja terus dinikmati oleh seluruh warga emas, rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sampai sekarang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga adalah sama sahaja memiliki niat suci untuk rakyat, untuk negara dan untuk agama.

Baginda mempunyai visi sangat jauh untuk negara, misalnya untuk mendapatkan keberkatan dan rahmat serta sekali gus untuk menjauhkan laknat, maka baginda telah mengislamkan undang-undang dan telah bersedekah amal soleh mengharamkan arak.

Banyak lagi niat suci baginda yang dijelmakan jadi kenyataan, antaranya, pintu-pintu subsidi, pintu-pintu bantuan, pintu-pintu pemedulian dan pintu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terus sahaja dibuka tanpa ditutup-tutup.

PELITA BRUNEI

# MAJLIS BERTAHLIL SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-32





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Bertahlil bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32 (atas). Manakala gambar atas kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 September. – Keramaian hampir 1,000 warga Perkhidmatan Awam hadir bagi mengimarahkan Majlis Bertahlil bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini.

Majlis bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-32, Tahun 2025.

Bacaan Tahlil dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-32, Tahun 2025.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sambutan HPA Ke-32 akan diadakan pada 29 September ini yang antara lainuntuk menyatupadukan setiap lapisan warga Perkhidmatan Awam dan mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat serta negara, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sementara tema sambutan kali ini membawakan 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara'.




# JPES akan raikan Hari Statistik Sedunia, 20 Oktober ini

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, akan meraikan Hari Statistik Sedunia (World Statistics Day - WSD) 2025 di peringkat kebangsaan pada Isnin, 28 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 20 Oktober 2025 Masihi, dengan tema 'Towards Wawasan Brunei 2035 with Quality Statistics'.

Seiring dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) memasuki dekad terakhir menuju pencapaian Wawasan Brunei 2035, tema berkenaan menekankan kepentingan data menepati masa dan boleh dipercayai bagi memantau kemajuan, mengenal pasti jurang, serta menjadi panduan untuk penyesuaian dasar.

Statistik yang berkualiti adalah penting untuk memastikan akauntabiliti, mengukur impak inisiatif negara, dan membolehkan keputusan yang berinformasi bagi mencapai matlamat NBD, iaitu ekonomi yang dinamik, rakyat yang berkemahiran tinggi, dan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Sempena WSD 2025, JPES akan menganjurkan beberapa aktiviti yang mempromosi budaya berasaskan data serta meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan statistik dalam perancangan berasaskan bukti.

Aktiviti berkenaan akan melibatkan pelbagai golongan, daripada pelajar sekolah sehingga ke agensi-agensi berkepentingan utama, termasuk Sesi dialog bertemakan 'Towards Wawasan Brunei 2035 with Quality Statistics'.

Sesi dialog berkenaan akan menghimpunkan peserta daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan, dengan panel terdiri daripada JPES, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS). Perbincangan akan memberi tumpuan kepada statistik utama negara, Economic Blueprint, peranan data pentadbiran dalam memperkukuh statistik negara serta bagaimana data boleh menyokong penyelidikan dan penggubalan dasar berdasarkan bukti.

Sementara, Program Literasi Statistik untuk sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dijadualkan untuk diadakan pada Oktober dan November 2025. Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai bagaimana statistik menyokong kehidupan seharian, penyelidikan, dan pembangunan negara.

Melalui beberapa sesi interaktif, akan memupuk budaya celik data dalam kalangan generasi muda, sekali gus mempersiapkan mereka menghadapi cabaran masa depan dengan pendekatan berasaskan maklumat dan bukti.

Melalui sambutan berkenaan, JPES berhasrat untuk menekankan peranan penting statistik dalam memantau kemajuan, menetapkan penanda aras, serta menyediakan gambaran fakta bagi memberi panduan strategi yang berkesan dan penambahbaikan berterusan dalam pelbagai sektor seperti kesihatan, pendidikan, perniagaan, dan ekonomi.

Maklumat lanjut mengenai statistik yang dikeluarkan oleh JPES boleh didapati melalui Instagram rasmi *@statistics.jpes* atau laman sesawang *https://deps.mofe.gov.bn* atau e-mel *info.statistics@jpes.gov.bn*.



# MEMPERKUKUH USAHA BERSAMA PERANGI PENGUBAHAN WANG HARAM, RASUAH

**YANG Berhormat Peguam Negara mengetuai delegasi pendakwa daripada Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara di Persidangan Ketua - Ketua Pendakwa China-ASEAN ke-15.**




Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

**REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Rabu, 24 September. - Persidangan Ketua - Ketua Pendakwa China-ASEAN ke-15, yang bertemakan 'Memerangi Pengubahan Wang Haram dan Rasuah, serta Mendapatkan Balik Aset dalam Era Teknologi', diadakan di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (Hong Kong SAR), Republik Rakyat China, baru-baru ini.

Persidangan ini mengukuhkan kepentingan pertukaran pengalaman, kepakaran dan amalan terbaik secara berterusan bagi membina barisan bersatu menentang jenayah-jenayah tersebut.

Pada sesi pembukaan, Chief Executive of Hong Kong SAR,Tuan Yang Terutama John Lee Ka-chiu, menekankan sifat jenayah kewangan yang berkembang akibat kepesatan kemajuan teknologi serta menggariskan keperluan untuk kerjasama serantau yang kukuh.

Prosecutor-General of the Supreme People's Procuratorate, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Ying Yong, mengakui kepentingan pembangunan kapasiti dalam memerangi jenayah tersebut dan mengalu-alukan pendakwa - pendakwa negara ASEAN untuk menerima latihan di institut pendakwaan di China.

Beliau juga menyuarakan keperluan penting untuk meningkatkan kerjasama bagi memerangi pengubahan wang haram, rasuah, dan jenayah rentas sempadan dalam era digital.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Secretary for Justice of the Hong Kong SAR, Tuan Yang Terutama Paul Lam Ting-kwok.

Ketua - ketua delegasi mengakui peningkatan kerumitan pengubahan wang haram dan rasuah, yang ditambah lagi dengan kemajuan teknologi moden yang menyukarkan usaha siasatan dan pendakwaan.

Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, yang juga selaku Pendakwa Raya, mengetuai delegasi pendakwa daripada Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara di persidangan tersebut.

Semasa sidang pleno, Yang Berhormat Peguam Negara menekankan keperluan penting untuk menangani pengubahan wang haram dan rasuah dalam era digital. Rangka kerja perundangan dan usaha negara Brunei Darussalam telah diketengahkan, yang menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa, pembangunan kapasiti, dan memanfaatkan teknologi canggih dan rangkaian serantau bagi pencegahan jenayah dan pendakwaan.

Salah satu acara penting dalam persidangan tersebut adalah pelancaran laman sesawang Persidangan Ketua - Ketua Pendakwa China-ASEAN yang telah diperbaharui, yang direka untuk pertukaran maklumat dan kerjasama yang lebih cekap di kalangan negara anggota.

Persidangan tersebut berakhir dengan penandatanganan Deklarasi Bersama oleh semua ketua delegasi dari negara China dan Negara-negara Anggota ASEAN.

Deklarasi itu mengesahkan komitmen bersama terhadap kerjasama dalam perkongsian maklumat dan amalan terbaik, serta menggariskan inisiatif termasuk pertukaran, program latihan, lawatan sambil belajar dan aktiviti pembangunan kapasiti lain bagi mengukuhkan usaha pendakwaan di seluruh rantau.

Setelah sesi rasmi tamat, persidangan diakhiri dengan Seminar Anti-Pengubahan Wang Haram yang disampaikan oleh Nadine Schwarz dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Persidangan Ketua - Ketua Pendakwa China - ASEAN merupakan acara tahunan yang berperanan sebagai platform penting untuk membincangkan dan berkongsi pengalaman serta amalan terbaik mengenai perkara yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama.

Ia merupakan bukti komitmen berterusan pihak-pihak yang terlibat untuk menegakkan kedaulatan undang-undang dengan mengukuhkan kerjasama serantau dan meningkatkan persefahaman bersama.

# Meningkatkan kerjasama dalam isu berkepentingan keselamatan sempadan, maritim

**YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan.**



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

**SYDNEY**, Rabu, 24 September. - Isu-isu keselamatan di peringkat serantau dan global khususnya ancaman pengganasan, keselamatan siber dan jenayah rentas sempadan merupakan di antara perkara-perkara yang dibincangkan semasa Mesyuarat Sub - Serantau Mengenai Anti-Pengganasan dan Keselamatan Rentas Sempadan (Sub-Regional Meeting on Counter Terrorism and Transnational Security - SRM) Kali Ke-6 yang berlangsung di Pier One, Sydney, Australia baru-baru ini.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara dengan disertai oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, dan pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat SRM Kali Ke-6 dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri, Menteri Keselamatan Siber, Menteri Kesenian dan Menteri Imigresen dan Kewarganegaraan Australia, Tuan Yang Terutama Tony Burke, dengan disertai oleh menteri-menteri serta pegawai-pegawai kanan dari Republik Indonesia, Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand.

Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM dalam ucapannya telah menegaskan pendirian dan dasar NBD yang berbaik-baik dengan semua negara dalam usaha untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman di rantau ini.

Yang Mulia Dato juga telah menyentuh mengenai kepentingan kerjasama serantau dalam kalangan Negara-negara SRM dalam menangani isu pengganasan dan pemahaman ekstremis di rantau ini.

Sehubungan dengan itu kata Yang Mulia Dato, NBD dan Thailand akan mengambil alih kepengerusian bersama Forum Pegawai - pegawai Kanan Mengenai Pengganasan di bawah rangka SRM pada tahun ini.

Pada Mesyuarat SRM kali ini, Yang Mulia Dato juga telah mengongsikan usaha NBD dalam membanteras ancaman jenayah rentas sempadan di rantau ini dengan kerjasama negara-negara yang lain.

Baru-baru ini tambah Yang Mulia Dato, Biro Kawalan Narkotik (BKN) terlibat dalam sebuah operasi untuk menumpaskan sebuah rangkaian penyeludupan dadah antarabangsa dengan kerjasama erat dan perkongsian maklumat risikan yang tepat pada masanya dari Australia, Republik Singapura, New Zealand dan negara-negara lain.

Operasi ini kata Yang Mulia Dato, telah menghasilkan rampasan sebanyak 110 kilogram (kg) dadah haram di beberapa buah negara termasuk 49kg yang dirampas di NBD.

Dalam pada itu, Yang Mulia Dato menzahirkan penghargaan kepada negara-negara yang terlibat dalam menjayakan operasi berkenaan. Seterusnya, kejayaan operasi yang signifikan berkenaan menunjukkan komitmen agensi-agensi yang berkenaan khususnya BKN dalam melindungi orang ramai daripada ancaman dadah haram selaras dengan pendekatan 'Zero-Tolerance Approach'.

Terlebih dahulu pada 22 September 2025, delegasi Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM turut berkesempatan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Tony Burke.

Semasa Mesyuarat Dua Hala berkenaan, kedua-dua buah negara telah mezahirkan rasa berpuas hati atas kerjasama dan hubungan erat yang sudah sekian lama terjalin dalam pelbagai bidang termasuk bidang keselamatan.

NBD dan Australia juga turut membincangkan peluang-peluang untuk meningkatkan hubungan kerjasama dalam isu-isu berkepentingan bagi kedua-dua buah negara seperti keselamatan sempadan dan keselamatan maritim.

SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP

# HIASI DIRI DENGAN SIFAT AMANAH

JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 04 RABIULAKHIR 1447H / 26 SEPTEMBER 2025M



Betapa besar kepentingan amanah itu sehingga ia dijadikan sebagai salah satu sifat yang wajib bagi seorang rasul



Seorang pekerja khususnya penjawat awam hendaklah berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik dan sempurna, bersungguh-sungguh, mempunyai rasa tanggungjawab, menunjukkan komitmen, tidak membebankan orang lain dan menyiapkan tugasan yang diberikan dengan amanah dan tepat pada waktunya

Sifat amanah itu sekiranya telah tertanam subur di dalam diri kita,

Tidak akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa, curi tulang, melaksanakan kerja kurang berkualiti, cuai dan sambil lewa sahaja

Selain itu, dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W ada menjelaskan mengenai balasan terhadap orang-orang yang mencuaikan amanah dan berbuat khianat, antaranya:

- Orang yang berbuat khianat akan menerima balasan di akhirat kelak
- Orang yang mencuaikan amanah adalah orang yang munafiq
- Orang yang mencuaikan amanah adalah orang yang tidak sempurna imannya

## TINDAKAN KITA?

Amanah dalam pekerjaan adalah suatu tuntutan dan akan dihisab di hadapan Allah S.W.T di akhirat kelak. Oleh yang demikian, kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 106 MURID SEKOLAH UGAMA YSHHB

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman







PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, suasana pada majlis berkenaan.

**SUNGAI AKAR**, Khamis, 25 September. - Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran oleh sekolah-sekolah ugama di negara ini bertujuan untuk meraikan murid-murid Darjah VI di sekolah masing-masing yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juz Al-Quran.

Majlis juga sebagai tanda kesyukuran atas nikmat dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberi galakan kepada murid-murid agar terus istiqamah membaca dan menghayati Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) meraikan seramai 106 orang murid Darjah VI terdiri daripada 61 orang murid lelaki dan 45 orang murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juz Al-Quran dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, disusuli dengan bacaan Takhtim, dan diikuti dengan Doa Khatam dibacakan oleh Awang Idris Jeon bin Ibrahim, salah seorang peserta khatam.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir dan seterusnya penyampaian sijil kepada para peserta yang diraikan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Md. Khairuddin bin Haji Meraji.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama di negara ini adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup beragama, di samping mencerminkan usaha pihak Jabatan Pengajian Islam dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.

## MoU ketengahkan kecemerlangan pendidikan, penglibatan industri






SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dengan Curtin University Malaysia. Hadir sama ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Khamis, 25 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Curtin University Malaysia bagi memperkayakan pengalaman akademik dan profesional para pelajar dan staf IBTE melalui komitmen bersama kedua-dua institusi terhadap kecemerlangan dalam pendidikan dan penglibatan industri.

Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di Restoran Latihan Longhouse, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal tersebut menandakan permulaan kerjasama yang lebih erat dalam mewujudkan laluan akademik, meningkatkan mobiliti pelajar dan peluang penempatan industri antarabangsa serta mempromosikan pembangunan dan latihan staf.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy dan wakil-wakil kanan dari Curtin University Malaysia.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pendidikan Teknikal / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli menjelaskan bahawa Curtin University Malaysia diiktiraf secara meluas kerana penekanannya yang kukuh terhadap penyelidikan gunaan serta hubungan yang erat dengan industri.

Menurutnya, IBTE berhasrat untuk mempelajari dan membina kepakaran serta kemudahan bertaraf dunia yang dimiliki Curtin bagi mempertingkatkan kurikulum dan mengukuhkan penyampaian pengajaran dan memberikan akses yang lebih luas kepada pelajar terhadap pengalaman akademik dan profesional yang berkualiti tinggi.

"Awal tahun ini, IBTE telah melancarkan Pelan Strategik 2025–2030, yang menetapkan aspirasi kami untuk menjadi penyedia TVET yang diiktiraf di peringkat global.

"Saya amat percaya bahawa kerjasama seperti ini membawa kami selangkah lebih dekat ke arah merealisasikan visi tersebut. Perkongsian ini mengukuhkan kehadiran dan jaringan global IBTE, sambil memastikan untuk kekal relevan, berdaya saing dan sejajar dengan piawaian antarabangsa," ujarnya.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Profesor Dr. Vincent Lee Chieng Chen yang menekankan komitmen Curtin dalam memupuk kecemerlangan pendidikan dan kerjasama antarabangsa.

Pada majlis berkenaan, menandatangani bagi pihak IBTE ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri manakala bagi pihak Curtin University Malaysia oleh Profesor Dr. Vincent Lee Chieng.

Delegasi dari Curtin University Malaysia tersebut diketuai oleh Profesor Dr. Vincent Lee Chieng Chen, Pro Naib Canselor, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Curtin University Malaysia dan diiringi oleh Dr. Fidella Tiew, Dr. Lee Yih Nin, Dr. Lim Chye Ing, Debora Caroline dan Samantha Liew Ee Wen.

فليتا بروني PELITA BRUNEI




# Hiasi diri dengan sifat amanah

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah satu keutamaan bagi membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Di dalam Islam, orang-orang yang berakhlak baik dan mulia ini akan menempati kedudukan yang tinggi di dunia dan juga di akhirat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menjelaskan mengenai kedudukan ataupun darjat orang yang baik dan mulia akhlaknya itu pada hari kiamat kelak. Daripada Jabir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Adapun antara akhlak mulia yang patut dimiliki oleh setiap umat Islam itu adalah amanah. Apakah dia sifat amanah? Amanah adalah segala sesuatu yang dipercayakan kepada manusia, baik yang menyangkut hak dirinya, hak orang lain mahupun hak Allah Subhanahu Wata'ala.

Agama Islam menganjurkan umatnya agar menghiasi diri dengan sifat amanah. Betapa besar kepentingan amanah itu sehingga ia dijadikan sebagai salah satu sifat yang wajib bagi seorang rasul. Tanpa ada sifat amanah, sesuatu matlamat itu tidak mungkin akan tercapai seperti yang dirancang.

Sesungguhnya amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan sangat berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh diambil ringan. Adapun antara contoh yang boleh dikaitkan dengan amanah itu adalah mengamalkan sifat amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama ada seseorang itu bekerja sendiri, bekerja di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Perihal amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet pada 4 Julai 2022 di Istana Nurul Iman, antara petikan titah baginda :

"*Jawatan yang disandang adalah semata-mata amanah, di mana amanah adalah merupakan perjanjian suci kita dengan Allah. Jika amanah itu, tidak atau salah ditunaikan maka bererti kita telah melanggar perjanjian tersebut.*

"*Di antara amanah bagi pemegang-pemegang jawatan ialah melaksanakan tanggungjawab dengan telus dan adil, bersikap baik sangka terhadap semua anak buah serta mengelakkan amalan pilih kasih termasuk tidak sekali-kali bersikap suka mencari-cari kelemahan atau kesalahan orang-orang di bawah tangan kita kemudian menghukumnya dengan tindakan-tindakan melulu yang menyakiti*," demikian titah baginda.

Oleh itu, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang jawatan hendaklah memikul dan menanainya dengan penuh rasa amanah dan tanggungjawab jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati.

Seorang pekerja khususnya penjawat awam hendaklah berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik dan sempurna, bersungguh-sungguh, mempunyai rasa tanggungjawab, menunjukkan komitmen, tidak membebankan orang lain dan menyiapkan tugasan yang diberikan dengan amanah dan tepat pada waktunya. Justeru, kita perlu menterjemahkan amanah secara praktikal dalam pekerjaan. Antaranya amanah pada masa dan tugas yang diberikan, amanah pada harta, data yang dipertanggungjawabkan, amanah dalam perolehan dan kewangan, amanah dalam mengurus konflik kepentingan, amanah pada layanan, amanah dalam membuat keputusan dan sebagainya.

Perlu diketahui, bahawa sifat amanah itu sekiranya telah tertanam subur di dalam diri kita, insyaaAllah tidak akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa, curi tulang, melaksanakan kerja kurang berkualiti, cuai dan sambil lewa sahaja. Maka di sini jelaslah bahawa sifat amanah itu diibaratkan sebagai anak kunci kejayaan kepada sesuatu organisasi, syarikat, jabatan dan kementerian. Inilah sumbangan besar kita kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat, seiring hala tuju pembangunan negara yang menekankan integriti, kecemerlangan dan kesejahteraan sosial.

Agama kita mewajibkan umatnya untuk menjaga dan memelihara amanah dan mengharamkan melakukan khianat dengan mencuaikan amanah. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 28 :

**Tafsirnya :** "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui*".

Di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan mengenai balasan terhadap orang-orang yang mencuaikan amanah dan berbuat khianat, antaranya :

**Pertama :** Orang yang berbuat khianat akan menerima balasan di akhirat kelak. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali-Imran, ayat 161 :

**Tafsirnya :** "*Dan tidak mungkin seorang nabi berkhianat (dalam urusan harta rampasan perang). Dan sesiapa yang berkhianat nescaya dia akan datang membawa apa yang dikhianatinya itu pada hari kiamat. Kemudian setiap diri akan diberi balasan yang sempurna sesuai dengan apa yang diusahakannya sedangkan mereka tidak dizalimi*".

**Kedua :** Orang yang mencuaikan amanah adalah orang yang munafik. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Tanda-tanda orang munafik itu tiga perkara : Apabila berkata dia berbohong, apabila berjanji dia memungkiri dan apabila diberi amanah dia mengkhianati*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Ketiga :** Orang yang mencuaikan amanah adalah orang yang tidak sempurna imannya. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah berkhutbah di hadapan kami kecuali Baginda mengatakan :

**Maksudnya :** "*Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji*". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Alhamdulillah, pada tahun ini negara kita Brunei Darussalam meraikan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32. Tema Sambutan pada tahun ini ialah 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara'. Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dalam menggerak-aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Maka selaku Perkhidmatan Awam, marilah kita sama-sama melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, bijaksana, jujur, adil dan amanah. Sebagai umat Islam, kita hendaklah meyakini bahawa amanah dalam pekerjaan adalah suatu tuntutan dan akan dihisab di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak. Oleh yang demikian, kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua, sama ada yang bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun yang bekerja dengan pihak swasta agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan itu mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat*". (Surah An-Nisa, ayat 58)

# Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Tahlil sempena penubuhan MOAS

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,**
**Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 26 September. - Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS), Bandar Seri Begawan kini telah mencapai usia penubuhannya yang ke-67 tahun pada tahun ini.

Justeru itu, pelbagai aktiviti keagamaan diungkayahkan sebagai tanda kesyukuran antaranya Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.



Majlis berkenaan dikendalikan secara serentak pada pagi tadi di dua tempat berasingan, iaitu bagi peserta lelaki diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong dan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga selaku Ketua Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Sementara di Ruang Utama MOAS pula juga diadakan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Tahlil bagi peserta perempuan bersama murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam masjid berkenaan.

**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Ketua Kampung Subok, hadir di majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.**

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih di Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Mahirah binti Morsidi.

Majlis berkenaan turut diimarahkan dengan bacaan Doa Khusus bagi mendoakan kesejahteraan roh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Doa berkenaan merupakan tanda penghargaan atas jasa, kepimpinan, dan sumbangan besar mereka dalam pembangunan agama dan negara.

Penganjuran majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk menyemarakkan aktiviti kerohanian sempena Sambutan Ke-67 Tahun MOAS, sekali gus menegaskan akan peranan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu pengetahuan, dan penyatuan masyarakat Islam.

Di samping itu, penglibatan generasi muda, khususnya murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam dalam amalan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil serta doa-doa memberi peluang untuk memupuk kecintaan terhadap amalan agama dan pembentukan nilai-nilai murni sejak peringkat awal.

Inisiatif berkenaan diharap dapat menyemai rasa cinta dan hormat yang mendalam terhadap institusi masjid serta tokoh agama dan kepimpinan terdahulu, di samping memperkukuh warisan kecemerlangan yang menjadi teras kepada identiti keagamaan dan kebangsaan.

Majlis berkenaan diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir MOAS sebagai tanda penghargaan dan untuk memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan kurnia-Nya sehingga MOAS mencapai usia 67 tahun pada tahun 2025.

# SENTIASA AMALKAN SUNNAH, CONTOHI AKHLAK RASULULLAH



**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim hadir di Program Pejuang Fajr Kali Ke-16 di Masjid Ash-Shaliheen.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BERAKAS**, Jumaat, 26 September. - Dalam usaha memperkasa peranan Belia Da'ie sebagai sebuah pertubuhan belia yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dakwah serta prinsip Al-Amr Bil Ma'ruf Wa An-Nahyu 'Anil Munkar di Negara Brunei Darussalam, Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen mengadakan Program Pejuang Fajr Kali Ke-16 di masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Tahajjud diimamkan oleh Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, diikuti dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen.

Seterusnya bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Acara diserikan lagi dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Cinta Nabi, Bekalku Menuju Ramadan' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Dalam ceramah yang disampaikan, para muslimin dan muslimat diingatkan bahawa berakhirnya bulan Rabiulawal tidak bermaksud berakhirnya cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Rasa cinta tersebut hendaklah berterusan sepanjang hayat sebagaimana dinyatakan di dalam sebuah hadith bahawa iman seseorang tidak akan sempurna sehingga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lebih dicintai daripada ibu bapa, anak-anak dan seluruh manusia.

"Kecintaan kepada Rasulullah dapat dibuktikan melalui amalan berselawat, mengamalkan sunnah serta mencontohi akhlak Baginda," ujarnya lagi.

Penolong Pegawai Perkembangan Ugama turut menjelaskan bahawa pembentukan generasi beriman dapat dicapai melalui latihan kendiri, penghayatan sirah, usaha dakwah secara langsung dan tidak langsung serta pengamalan empat sifat utama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu sidq (benar), amanah (dipercayai), tabligh (menyampaikan), dan fatanah (bijaksana).

Program Pejuang Fajr Kali Ke-16 berkenaan menerima sambutan menggalakkan dengan kehadiran peserta terdiri daripada jemaah Masjid Ash-Shaliheen, pegawai kerajaan, pesara, belia wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan, mahasiswa, alumni Akademi Dakwah serta orang awam.

Rakaman program turut dikongsikan melalui Instagram rasmi Belia Da'ie sebagai platform menyebarluaskan lagi mesej da'wah serta menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti keagamaan.

Program antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa kebersamaan serta mempererat silaturahim dalam kalangan belia dan masyarakat umum, di samping menjadi medium dakwah kesedaran kepada para belia agar bangun menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah (Pejuang Fajr) sekali gus mengimarahkan masjid melalui pelbagai aktiviti yang bermanfaat.




MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1.**'Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan'.** Tarikh Tutup : **1 Oktober 2025**
2.**'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'.** Tarikh Tutup : **8 Oktober 2025**
3.**'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'.** Tarikh Tutup : **15 Oktober 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


# PUISI

## SYAPEN SEMPENA HARI GURU 2025

Assalamualaikum pembuka kata,
Di malam hari pasang pelita,
Pengorbanan guru mau dirista,
Jasa mereka luas semesta,

Rasulullah guru utama,
Mengajar umat patuh berugama,
Ajaran diteruskan oleh ulama,
Syiar Islam semakin bergema.

Guru pertama indung *kitani*,
Sangat penyayang berhati murni,
Banyak pelajaran harus diteladani,
Membentuk keluarga penuh harmoni.

Guru mendidik sedaya upaya,
Mengajar ilmu selagi terdaya,
Ilmu diajarkan memberi cahaya,
Jadikan *kitani* insan berjaya.

Jasa guru sukar diganti,
Mengajar, mendidik penuh teliti,
*Kitani* dicalak berbudi pekerti,
Tetap ku kenang hingga ke mati.

Jasa mereka sudah terbukti,
Menunjuk ajar tiada berhenti,
Sehingga faham sampai mengerti,
Kecemerlangan murid sebagai bukti.

Ilmu dicurah tiada terkata,
Tetap bersinar seperti permata,
Terus bercahaya umpama pelita,
Melebihi nilai duit berjuta.

Menabur ilmu penuh khidmat,
Mendidik, mengajar penuh cermat,
Mencurah ilmu seperti azimat,
Kepada guru mestilah hormat.

*Kitani* diajar mengenal angka,
Ilmu dituyung penuh etika,
Jadikan murid insan terkemuka,
Kepada mereka jangan derhaka.

Guru pemangkin menuju wawasan,
Terus berbakti tiada bosan,
Sering mengingat selalu berpesan,
Sanggup bertugas di segenap kawasan.

Tiada jemu memberi nasihat,
Apa yang dicurah penuh maslahat,
Tutur bicara selalu berhemat,
Semoga bakti dikurniakan rahmat,

Jasa guru sukar dicari,
Ilmu melekat di sanubari,
Jadikan kitani insan bistari,
Berpendidikan tinggi bijak jauhari.

Guru penyabar penuh cekal,
Pendidik murid penuh tawakal,
Murid dididik supaya berakal,
Menghindar *kitani* berperangai muaakal.

Kepada guru yang sangat ku hormat,
Syapen ditulis sudah di penamat,
Didoakan biskita dikurniakan nikmat,
Semoga Allah cucuri rahmat.

Dedikasi khas untuk Allahyarham Ayahanda
Cikgu Haji Buntar bin Haji Mohamad Salleh serta cikgu-cikgu
yang menjalani kursus perguruan Di Maktab Perguruan
Batu Lintang, Kucing Sarawak .
Mereka merupakan '*intake* pertama' yang mengikuti kursus
perguruan Di Batu Lintang Kucing dalam tahun 1950an.

Al Fatihah

**Nadi©**
**Selasa**
**Rabiulakhir Pertama Hijrah 1447**
**September ke 23 Masihi 2025.**

# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN KE-67 MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien lewat petang tadi menganjurkan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran bertempat di masjid berkenaan bersempena Ulang Tahun Ke-67 Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Majlis diadakan sebagai tanda kesyukuran selain untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai, kakitangan, ahli jawatankuasa takmir, jemaah, muslimah, kumpulan pendikir, belia dan beliawanis, guru-guru serta murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Khairul Arifin bin Yusup, yang juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-67 Masjid Omar 'Ali Saifuddien dipimpin oleh Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis ini turut diserikan dengan bacaan Doa Khusus bagi mendoakan kesejahteraan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Penganjuran majlis bertujuan untuk menyemarakkan aktiviti kerohanian sempena memperingati Sambutan Ke-67 Tahun Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Di samping itu, penglibatan generasi muda khususnya murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam dalam amalan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil serta doa-doa dapat mendidik mereka agar cinta terhadap amalan beragama serta nilai-nilai murni Islam sejak dari kecil lagi.

Usaha tersebut turut diharap dapat memupuk rasa cinta dan hormat terhadap institusi masjid serta mengenang jasa tokoh-tokoh agama dan kepimpinan yang terdahulu.



**SUASANA pada Majlis Doa Kesyukuran bertempat di masjid Masjid Omar 'Ali Saifuddien bersempena Ulang Tahun Ke-67 masjid tersebut.**




# Amalan perubatan haram : Seorang warga asing dipenjara, denda

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 25 September. - Seorang wanita warganegara Malaysia dipenjara 30 bulan serta denda sebanyak BND4,500, jika gagal akan dikenakan lima bulan penjara sebagai ganti.

Majistret, Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman setelah Marinah binti Abdullah, 43 mengaku bersalah atas 10 pertuduhan.

Marinah telah memberikan rawatan perubatan, termasuk menyuntik produk perubatan, beberapa lokasi di negara ini walaupun tidak berdaftar sebagai pengamal perubatan berdaftar di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Medical Practitioners and Dentists Act).

Defendan telah melakukan prosedur tersebut ke atas beberapa individu di sebuah hotel di Kiulap dan sebuah lagi hotel di Jerudong, antara 12 dan 30 Januari.

Defendan telah menyamar sebagai pakar estetik bertauliah oleh Kementerian Kesihatan melalui WhatsApp dan mengiklankan perkhidmatannya dalam TikTok menggunakan nama Beauty Clinic Brunei.

Mengikut pertuduhan, pada akhir tahun 2024, mangsa A telah melihat sebuah video TikTok yang dimuat naik oleh Beauty Clinic yang mengiklankan rawatan estetik termasuk *drip* Vitamin 'C', *drip* pemutih dan *filler*.

Mangsa telah menghubungi Beauty Clinic melalui nombor WhatsApp yang dipaparkan dalam iklan TikTok tersebut untuk membuat janji temu bagi rawatan. Beauty Clinic telah memberi maklum balas dan memaklumkan bahawa pakej rawatan penuh yang dipilih olehnya berharga BND541, dengan bayaran deposit sebanyak BND250 diperlukan untuk mengesahkan tempahan.

Defendan terus menerangkan kepada mangsa bahawa dia akan diberikan gabungan rawatan yang terdiri daripada Glutathione (untuk pemutihan), Vitamin 'C' (untuk mencerahkan kulit) dan Kolagen (untuk mengetatkan kulit).

Defendan kemudian menjalankan rawatan titisan dengan memasukkan jarum ke lengan kiri mangsa untuk memberikan *intravenous drip.*

Manakala pada 29 Januari 2025, kira-kira jam 0915, mangsa B hadir ke hotel di Kiulap bersama suaminya untuk janji temu yang telah dijadualkan.

Mangsa dan suaminya masuk ke dalam bilik dan defendan menjalankan rawatan dengan memasukkan jarum ke lengan kanan mangsa bagi memberikan *drip* intravena yang mengandungi gabungan produk perubatan. Prosedur invasif tersebut berlangsung selama kira-kira satu jam.

Jumlah keseluruhan yang dibayar oleh mangsa untuk kedua-dua rawatan pada 28 dan 29 Januari 2025 adalah sebanyak BND541.

Siasatan polis mendedahkan bahawa defendan, yang bukan seorang yang berdaftar atau dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta Ubat dan Penagihan Bahan (MPDA), telah menjalankan amalan perubatan secara haram dengan memberikan rawatan perubatan melalui suntikan intravena invasif menggunakan gabungan produk perubatan ke atas mangsa dalam kedua-dua kejadian tersebut.

Siasatan mendedahkan bahawa pengetahuan defendan serta kaedah pelaksanaan rawatan perubatan dan pembedahan yang disebutkan di atas telah diperoleh melalui tutorial YouTube dan bukannya melalui latihan perubatan secara formal.

Siasatan turut mendapati bahawa defendan meminta pelanggan untuk melengkapkan borang maklumat yang mengandungi butiran mengenai sebarang keadaan kesihatan sedia ada.

Kes pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tiah Teck Chiun (Jordan) manakala defendan diwakili Peguam Bela, DC Zamri Taha.

# Lebih 20 anak yatim, golongan asnaf terima sumbangan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**



**SEKITAR majlis sumbangan bantuan asasi yang diadakan pada baru-baru ini (atas dan bawah).**

**KAPOK**, Rabu, 24 September. - Poomaan Sendirian Berhad hari ini telah menghulurkan bantuan asasi kepada lebih 20 penerima yang terdiri daripada anak-anak yatim dan mereka dari golongan asnaf fakir dan miskin.

Sumbangan sedemikian merupakan bersempena pembukaan cawangan perusahaan berkenaan bagi yang kelima sekali gus berbagi rezeki sesama penduduk sekitar kawasan berkenaan.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut di sini ialah Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan serta beberapa rakan kongsi Poomaan Group selaku Pengarah - pengarah Syarikat, Muthu Muhammad Nachiar Mohideen Maraicair dan Allaudeen Tajudeen Ahamed, Abu Taher, Haja Maideen dan Sameem Ahmad.

Pengarah Urusan Poomaan Group, Haji Md Haja Najmuddin bin Haji Md Maideen dalam ucapannya antara lain menekankan komitmen mereka untuk terus menyumbang dan sama-sama menjana ekonomi dan pembangunan masyarakat.

Tambahnya, pihak mereka juga memberikan peluang pekerjaan lebih kurang 70 pekerja tempatan di semua kelima-lima cawangan termasuk di Poomaan Sendirian Berhad di Kampung Kapok berkenaan.

"Pembukaan cawangan ini adalah bukti komitmen kami bukan sahaja kepada pertumbuhan perniagaan tetapi juga kepada pembangunan komuniti. Kami percaya dalam memberikan lebih daripada sekadar produk dan perkhidmatan – kami mahu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat," ujarnya.

Pembukaan cawangan Poomaan Grand Mart yang dilancarkan hari inidiharap dapat menawarkan pelbagai barangan runcit dan produk keperluan harian termasuk barang-barang segar bagi penduduk setempat dengan harga yang berpatutan.



# Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2025

## Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. – Antara tip pendidikan adab kepada pelajar ialah dengan bersedia menjawab secara ringkas, iaitu guru dituntut mengenali tingkat kemampuan berfikir pelajar yang beragam sehingga penjelasan yang ditujukan kepada pelajar tertentu disesuaikan dengan tingkat kecerdasannya.

Selain itu, dengan menghindari sikap yang tak wajar, iaitu tegas tetapi berkasih sayang dalam mendidik, guru tidak perlu bersikap terlalu keras kerana membuat murid tidak kreatif dan sebaliknya sikap terlalu lembut membuat pelajar meremehkan perintah guru.

Sikap terbaik ialah seimbang sesuai dengan keadaan. Di samping itu, libatkan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan untuk membina empati.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati tazkirah bertajuk 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Awang Mansur @ Maisur bin Haji Kamis semasa Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 Bagi Institusi-institusi Pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Senegara yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Awang Mansur @ Maisur juga menggariskan peranan pelajar beradab, iaitu pelajar perlu disedarkan bahawa adab adalah asas kepada kejayaan hidup, ilmu yang tinggi tanpa akhlak hanya akan membawa kerosakan.

Tambahnya, guru perlu diberi sokongan untuk mendidik dengan penuh hikmah dan ibu bapa perlu kembali memainkan peranan utama dalam membentuk sahsiah anak-anak sejak kecil. Jadi peranan pelajar ialah menghormati guru dan rakan-rakan, menjauhi sikap buli dan ejek-mengejek, dan menjadi contoh kepada adik-adik dan masyarakat.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Mohammad Azrien bin Karim, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dibacakan oleh Awang Muhammad Nurtaufiq Syawqi bin Haji Suffian, dan Doa Hari Guru yang dibacakan oleh Awang Mohammad Ayyub bin Haji Mohammad Salleh.

Kemudian diikuti dengan tazkirah dan setelah itu, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Nuur beramai-ramai, dan bagi memberkati acara, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dipimpin oleh Awang Muhammad Amzar Naqiyuddin bin Titi Norserikandi.



**INTI pati tazkirah bertajuk 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Awang Mansur @ Maisur bin Haji Kamis.**

Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di semua sekolah rendah, menengah, Arab, ugama dan maktab di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU seluruh negara dianjurkan bersempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.

Bagi sekolah-sekolah Arab dan ugama di bawah kawalan KHEU khususnya, bacaan Doa Hari Guru diadakan dalam Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di seluruh negara pada hari ini.

Antara objektif PKS bagi September 2025 adalah agar para pelajar dapat menghayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dan berusaha meneladani adab dan akhlak Baginda.

Acara yang dikendalikan oleh sekolah masing-masing berkenaan diisikan dengan bacaan Doa Hari Guru bagi mengenang jasa dan khidmat bakti guru-guru dalam mencurahkan ilmu, di samping bagi memohon kepada Allah Subhannahu Wata'ala agar para guru dikurniakan kesejahteraan dan terus bersemangat dalam menjalankan tugas serta menunaikan tanggungjawab dengan gigih, sabar dan ikhlas.

## Sekolah Menengah Awang Semaun

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. - Bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025, sekolah-sekolah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam seluruh negara di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di sekolah, maktab dan pusat masing-masing.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada kegiatan - kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Acara yang dikendalikan oleh sekolah masing-masing ini diisikan dengan bacaan Doa Hari Guru bagi mengenang jasa dan khidmat bakti guru-guru dalam mencurahkan ilmu di samping bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar para guru dikurniakan kesejahteraan dan terus bersemangat dalam menjalankan tugas serta menunaikan tanggungjawab dengan gigih, sabar dan ikhlas.

Sehubungan itu, Sekolah Menengah Awang Semaun juga tidak ketinggalan untuk mengadakan majlis ini berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah, Haji Mohammad Fadhillah bin Haji Ismail.



**SEKITAR Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Awang Semaun (atas dan bawah).**

Majlis diisikan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Muhd. Hanafi bin Muhd. Shahrul Lizam.

Sementara bacaan Doa Hari Guru oleh Yusri bin Sulaiman dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD bagi memberkati acara.



## Sekolah Ugama Tanjong Maya



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TUTONG**, Rabu, 24 September. – Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar penyampai wahyu, bahkan merupakan guru agung yang mendidik umat dengan penuh hikmah, kasih sayang dan akhlak mulia, sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud : "*Aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*."

Penekanan Baginda terhadap adab dan akhlak adalah melalui teladan, bukan sekadar kata-kata, antaranya dengan menegur secara lembut, memahami latar belakang individu, memberi peluang kedua serta menunjukkan kasih sayang kepada anak-anak dan orang miskin.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Awang Mohamad Rizal bin Haji Ahmad semasa Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 Bagi Institusi-institusi Pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Senegara.

Bagi sekolah-sekolah Arab dan Ugama di bawah kawalan KHEU khususnya, bacaan Doa Hari Guru diadakan melalui Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena sambutan berkenaan di seluruh negara pada hari ini.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan acara bertempat di Sekolah Ugama Tanjong Maya pada sebelah petang, dan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Awangku Muhammad Khairul Wafiq bin Pengiran Md. Khairul Azmi, diikuti bacaan Surah Yaa Siin oleh Awang Muhammad Aiman Danish bin Abdullah.

Bacaan Doa Hari Guru kemudiannya dipimpin oleh Awang Hairul Amir bin Abdullah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Nuur beramai-ramai.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Awang Muhammad Safwan bin Sunie.

Acara seumpama berkenaan dikendalikan oleh pihak sekolah masing-masing sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap jasa serta pengorbanan guru-guru dalam mencurahkan ilmu, di samping memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar para guru sentiasa dikurniakan kesejahteraan, kekuatan dan keikhlasan dalam menunaikan amanah mendidik generasi.

# Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2025

## Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BELAIT**, Rabu, 24 September. - Bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran di semua sekolah rendah, menengah, Arab, ugama dan maktab di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU seluruh negara.

Bagi sekolah-sekolah Arab dan ugama di bawah kawalan KHEU khususnya, bacaan Doa Hari Guru diadakan dalam Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di seluruh negara pada hari ini.

Di Daerah Belait, acara turut diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria di sini.

Atur cara Program Keagamaan Senegara diisikan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Hari Guru yang dipimpin oleh Awang Mohammad Saiful Hilmi bin Haji Abdul Ghani.

Majlis juga diserikan dengan tazkirah 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Daud.

Antara inti pati ceramah menyentuh mengenai para pendidik perlu mempunyai semangat yang kuat dan lebih gigih dalam berusaha menyampaikan kaedah pembelajaran demi memberi masa depan yang cerah kepada anak didik tanpa mengenal penat lelah.

Sementara itu bagi pelajar-pelajar pula, janganlah lalai dalam menuntut ilmu kerana pelajar-pelajar nantinya akan menjadi generasi penerus bangsa dan hargailah jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh guru-guru yang banyak berkorban tanpa mengira masa, tenaga serta wang ringgit.

Acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Nuur beramai-ramai.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD bagi memberkati acara yang dibacakan oleh Abdul Mateen bin Sani.





**SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di sekolah berkenaan.**



**TAZKIRAH 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Daud.**

## Sekolah Rendah Puni

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama





**SUASANA pada Majlis Doa Kesyukuran dalam Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2025 yang berlangsung di Sekolah Rendah Puni (atas dan kanan).**

**TEMBURONG**, Rabu, 24 September. - Bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran di semua sekolah rendah, menengah, Arab, Ugama dan maktab di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, bagi Daerah Temburong majlis telah diadakan pada pagi tadi bertempat di dewan Sekolah Rendah Puni.

Acara yang dikendalikan oleh sekolah masing-masing ini diisikan dengan bacaan Doa Hari Guru bagi mengenang jasa dan khidmat bakti guru-guru dalam mencurahkan ilmu di samping bagi memohon kepada Allah Subhannahu Wata'ala agar para guru dikurniakan kesejahteraan dan terus bersemangat dalam menjalankan tugas serta menunaikan tanggungjawab dengan gigih, sabar dan ikhlas.

Bagi sekolah-sekolah Arab dan Ugama di bawah kawalan KHEU khususnya, bacaan Doa Hari Guru diadakan dalam Majlis Program Keagamaan Senegara (PKS) bersempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di seluruh negara pada hari ini.

Atur cara PKS diisikan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Hari Guru.

Majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Guru Tauladan Sepanjang Zaman'. Acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Nuur beramai-ramai.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD bagi memberkati acara.

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025 – 2026 / 39

**Tajuk Tawaran:**
Storytelling Workshop For Tourist Guide – Brunei Heritage River Cruise Trail

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
9 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025-2026 / 06

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Social Media Management & Content Creation Services For Brunei Tourism 2025-2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 07

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Website Maintenance And Support Services 2025-2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2:00 Petang

**1. Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 40

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract
For Graphic Design Services
2025-2026

**2. Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 35

**Tajuk Tawaran:**
Design, Print And Installation Of Signage At Brunei International Airport

**3. Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 42

**Tajuk Tawaran:**
Production Of Tourism Promotional Video

**4. Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 44

**Tajuk Tawaran:**
Photography Services
For Brunei Tourism's Assets

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 41

**Tajuk Tawaran:**
To Produce A Series Of Short Videos On The Tourism Act, Chapter 239

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN
## BANDAR SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 65 / BPKB / 07

**Nama Tawaran:**
Tawaran Penyewaan Padang Gadong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 54 / BPKB / 06

**Nama Tawaran:**
Tawaran Bagi 'Residency Advertisement Box'

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
9 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN TUTONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Iklan:**
JBT / PLPC / 02 / 2025-2026

**Tajuk Iklan:**
Kekosongan Petak-Petak dan Bangku Di Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu, 8 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / IL / 003
[JPPK / LTN / 07 / 2024]

Proposed Design And Build For Construction Of A Permanent Bridge At Sungai Buaya Binturan, Penanjong Garrison

**Kelas:**
IV dan ke Atas

**Kategori:**
KA01 and / or KPB08, E01, E02 dan E05

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Enam (6) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dilanjutkan kepada
**Isnin,**
**29 September 2025**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 281 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 282 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 283 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 284 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
7 Oktober 2025. Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

## KEMENTERIAN
## HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Sebut Harga:**
KHELN / ICT / 2025 / 2KQ03

**Tajuk Sebut Harga:**
Quotation For Fortigate License Renewal

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 1 Oktober 2025

**Bilangan Sebut Harga:**
MFA / ICT / 2025 / 2KQ04

**Tajuk Sebut Harga:**
The Enhancement Of MFA Website

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 8 Oktober 2025

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan Tawaran:**
MTIC / TID / International / 8.0

**Tajuk Tawaran:**
Request for Information for Smart City Platform Planning Feasibility Study

**Tarikh Tutup Tawaran:**
10 Oktober 2025

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 125 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 126 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 127 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 128 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 129 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

Zon kedua ini memaparkan keunikan konsep sedekah yang melihatkan betapa konsep sedekah itu adalah luas. Pameran di zon ini dimulai dengan sektor-sektor kerajaan antaranya Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang berperanan dalam memperluas dan memperkukuh konsep bersedekah melalui penyaluran bantuan kebajikan kepada rakyat dan penduduk yang memerlukan. Selain itu, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) turut memaparkan tanggungjawab dan projek dalam menguruskan kutipan zakat dan wakaf secara bersistematik kepada golongan asnaf di negara ini.

Turut ditampilkan ialah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dalam menggalakkan amalan memberi melalui penubuhan tabung dana bagi pembinaan masjid di seluruh negara. Di samping itu, pameran ini turut menyerlahkan penglibatan institusi pengajian tinggi antaranya Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam menanai tanggungjawab sosial melalui Khidmat Masyarakat.

Zon ini juga memberi tumpuan kepada peranan Sektor Swasta dan Korporat termasuk Sektor Perbankan, Sektor Telekomunikasi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang secara berterusan melaksanakan pelbagai khidmat bantuan sama ada dari segi kewangan, sosial, tenaga dan khidmat masyarakat untuk meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik. Selain itu, pameran juga memaparkan bagaimana kemajuan teknologi digital dan aplikasi mudah alih boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dalam menyalurkan sumbangan dengan lebih cepat, mudah dan selamat.

### Pameran Hand4Hand serlahkan aktiviti kesukarelawanan di dalam dan luar negara

Salah sebuah pameran yang ikut serta dalam Pameran Majlis Ilmu ialah Pertubuhan sukarelawan Hand4Hand. Pertubuhan sukarelawan Hand4Hand tampil mengetengahkan pelbagai inisiatif kesukarelawanan dan khidmat masyarakat yang telah dijalankan sejak penubuhannya pada tahun 2017.

Semasa di temu bual oleh Pelita Brunei, Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Haji Damit, Penyelaras Sukarelawan Hand4Hand menjelaskan bahawa fokus utama Hand4Hand adalah untuk mempromosi kesukarelawanan dan khidmat masyarakat bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam tetapi juga di luar negara seperti di Kemboja dan Bangladesh.

Hand4Hand telah melaksanakan pelbagai projek amal di beberapa lokasi antaranya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan, UNISSA, dan Sekolah Rendah Menunggol.

"Kami pernah menganjurkan projek amal baju dan seluar, projek amal baju raya yang khusus dijalankan pada bulan Ramadan dan barangan kanak-kanak, di mana kami membuka peluang kepada orang awam untuk berinfak barang-barang yang masih dalam keadaan baik tetapi tidak lagi digunakan dan barangan ini dibukakan kepada orang ramai untuk mengambil mengikut keperluan mereka," jelas beliau.

Manakala projek amal di luar negara, jelasnya Hand4Hand telah mengadakan majlis korban di sebuah perkampungan Islam di Kemboja dan tahun ini merupakan tahun ke-10 majlis korban dilaksanakan di sana.

"Di samping itu, kami juga pernah ke kem pelarian Rohingya di Cox's Bazar, Bangladesh, untuk misi bantuan bekalan makanan dan keperluan seharian," tambahnya.

Apabila ditanya tentang bagaimana Hand4Hand menyahut tema Majlis Ilmu tahun ini, Dayang Nurhudiya mengongsikan salah satu inisiatif terkini yang dilakukan semasa bulan Ramadan lalu.

Jelasnya melihat kepada situasi semasa, di mana banyak kedai jahit terpaksa beroperasi sehingga larut malam semasa 10 malam terakhir bulan Ramadan, mereka membuka peluang kepada orang awam untuk menyumbang pek makanan dan diagih-agihkan sendiri ke kedai-kedai jahit.

Selain itu, Hand4Hand turut mengadakan kempen sumbangan makanan asas untuk diagihkan kepada keluarga yang memerlukan di keempat-empat buah daerah di negara ini.

Menyentuh mengenai dengan Projek The Kids' Clothes & Toys Donation Drive oleh Hand4Hand ia berjaya mencapai nilai sumbangan keseluruhan yang dianggarkan sebanyak BND 517,440.00.

Sebanyak 2,352 kupon bernilai BND 20.00 diagihkan penerima yang berhak. Inisiatif ini turut berjaya mengagihkan lebih daripada 15,000 mainan seperti anak patung, teka-teki, set pendidikan dan permainan elektronik. Projek ini disokong oleh 245 sukarelawan yang secara kolektif menyumbangkan 1,715 jam perkhidmatan.

Pameran Majlis Ilmu 2025 ini terbuka bagi kunjungan orang ramai bermula pada 25 September 2025 dan berakhir pada 1 Oktober 2025 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Pameran Majlis Ilmu pula bermula pada jam 1.30 petang hingga 5.00 petang; pada Jumaat, 26 September bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang manakala, Ahad, 28 September dan Rabu, 1 Oktober 2025 bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.






# Majlis Ilmu 2025 : Melakar wadah kecemerlangan menyalur khazanah ilmu

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

**SEBAGAI** salah satu mercu tanda manifestasi kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang pemimpin Islam yang amat menitikberatkan kepentingan ilmu, saban tahun Majlis Ilmu terus melakar wadah kecemerlangannya dalam menyalurkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai serta bermanfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejak penganjuran Majlis Ilmu buat julung kalinya pada tahun 2004 oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu, ia merupakan salah satu acara utama dalam rangkaian perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Ilmu 2025 pada tahun ini diungkayahkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

### Detik keberangkatan melakar ristaan sejarah

Detik 25 September 2025 telah melakar kenangan manis dengan menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pastinya, keberangkatan Kebawah DYMM dan kerabat diraja menjadi ristaan baik dalam menyatakan perhatian berat baginda sultan dan kerabat diraja mengenai kepentingan ilmu dan usaha menguasai ilmu dengan ajaran Islam.

### Perkasa tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'

Pada tahun ini, dengan tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah', penekanan diberikan kepada inisiatif sedekah yang berteraskan kebajikan, kesejahteraan sosial, serta pembangunan nilai-nilai Islam dalam memperkukuhkan keberdayatahanan negara. Tema ini menjadi pemangkin dalam memperluas kefahaman masyarakat mengenai sedekah sebagai asas kemakmuran dan keharmonian NBD.

Penekanan tema Majlis Ilmu tahun ini disampaikan melalui Ceramah Khas oleh Mufti Kerajaan, NBD, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, bertajuk 'Negara Brunei Darussalam Ditanai Dengan Sedekah'.

Menariknya, semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 itu turut menyaksikan pelancaran sebuah buku dwi bahasa berjudul 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' atau 'The Country Is Upheld With Charity' yang ditulis oleh Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan, NBD di bawah terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.

Antara sinopsis buku berkenaan ialah sedekah sebagai amal soleh yang digalakkan dalam Islam dianggap sebagai pengorbanan di jalan Allah. Tidak akan berkurang harta dengan sedekah. Hal ini kerana raja dan kerajaan mendisiplinkan Brunei ditanai dengan sedekah, berkat pun tumbuh di negara ini. Negara aman makmur, rakyat bersatu padu dan paling luar biasa negara ini bebas dan terlepas daripada musibah hutang.

Bagaimana Brunei Darussalam ditanai dengan sedekah itu? NBD adalah negara yang benar-benar ditanai atau ditatang atau ditadbir atau diurus dengan sedekah. Buktinya boleh dilihat dari awal sejarah lagi, di zaman Sultan Brunei ketiga, Sultan Sharif Ali, baginda itu telah bersedekah dakwah, membawa seluruh rakyat Brunei memeluk ugama Islam.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei Ke-29, kedua-dua pemimpin negara ini berjasa besar dalam mengukir sejarah gemilang untuk NBD.

### Rebutlah peluang menerokai pameran majlis ilmu

Oleh yang demikian, semua lapisan masyarakat di negara ini rebutlah peluang untuk sama-sama memeriahkan Pameran Majlis Ilmu 2025 sejajar dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu 'Negara Ditanai Dengan Sedekah', bermula 25 September sehingga 1 Oktober 2025 bertempat di Bilik Persidangan, ICC, Berakas.

Keindahan ruang pameran ini pastinya mampu mengajak para pengunjung menelusuri dan memahami tentang pengertian sedekah dan kelebihannya sebagai asas ketahanan, kesejahteraan dan kedaulatan NBD yang berlandaskan kepada nilai ikhlas, murah hati dan budaya memberi yang subur dalam kehidupan bernegara sejak dahulu hingga kini.

Pameran ini turut memaparkan dalil Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai keutamaan dan kelebihan sedekah yang diperkukuh lagi dengan titah Kebawah DYMM dalam menekankan bahawa sedekah sebagai penolak bala dan penawar penyakit.

Selain itu, pameran Majlis Ilmu pada tahun ini juga mengetengahkan peranan sektor kerajaan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk sama-sama menghidupkan amalan bersedekah dan menjadikannya bukan sekadar amalan individu bahkan sebagai usaha kolektif yang menjadi teras kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Majlis Ilmu 2025 akan diteruskan lagi dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 pada 27 September 2025 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025 pada 30 September 2025.

Dengan bersandarkan kepada tema Majlis Ilmu 2025, maka satu perkara yang juga menjadi harapan tulus bersama agar sepanjang Majlis Ilmu ini berlangsung kita dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat mengenai kelebihan dan kebaikan amalan bersedekah dan bersifat pemurah, menimbulkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab sosial terhadap golongan yang susah, menanam sikap prihatin dan bertimbang rasa bagi mewujudkan masyarakat yang penyayang serta mengenal pasti cara dan kaedah terbaik untuk orang ramai menyalurkan sedekah dan sumbangan.

Hal ini demi sama-sama bersatu menjadikan NBD sebagai sebuah negara 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' yang membawa maksud 'Negeri Yang Baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun' yang menjadikannya sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan sentiasa dalam lindungan serta keampunan Allah Subhanahu Wata'ala dan juga memperkasakan indahnya Negara Zikir di bumi Darussalam.



# KEGIATAN PENYIMPANAN BARANG PERUSAHAAN TANPA KEBENARAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. – Kegiatan perusahaan penyimpanan barang pembinaan tanpa kebenaran yang terletak di Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan ini dijalankan di atas tanah bersyaratkan perumahan am dan perniagaan sampingan di dalam zon perumahan yang mana tidak sesuai untuk tujuan perusahaan seperti ini.

Kegiatan seperti ini mengganggu penduduk kawasan perumahan berhampiran, berpotensi menyebabkan bahaya dan menyebabkan kerosakan jalan raya di dalam kawasan tersebut.

Oleh itu, kegiatan seperti ini hendaklah dijalankan di dalam zon perusahaan yang disiapkan dengan pelbagai prasarana untuk menampung kegiatan seperti ini.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti dan membersihkan kawasan tersebut dan syarikat telah pun berpindah dan beroperasi di zon industri yang telah dikhaskan.

Pemajuan dan perubahan penggunaan tanpa Kebenaran Perancangan boleh menyebabkan bahaya dan menjejaskan keselamatan orang ramai. Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Seksyen 23 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Seksyen 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200222.





**ANTARA kegiatan perusahaan penyimpanan barang pembinaan tanpa kebenaran boleh mengganggu penduduk kawasan perumahan berhampiran, berpotensi menyebabkan bahaya dan menyebabkan kerosakan jalan raya di dalam kawasan tersebut (kanan dan bawah kiri).**

# Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi Julai 2025, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit, sama ada bagi permohonan baharu atau permohonan membaharui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Permohonan Baharu Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak 20 permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak dua permohonan.

Sementara Permohonan Membaharui Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak 25 permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak dua permohonan.

Berikut adalah senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit, sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui oleh MUIB.

Senarai premis bagi Permohonan Baharu Sijil Halal ialah Berjaya Food Supreme Sdn. Bhd. (Starbucks Coffee Brunei Airport), Choo Bakehouse @ Fiorise, Hanjou Foods House (Marugame Udon), Mytown Kopitiam, Culinary Connections Enterprise (Jinjja Fried Chicken), Xin Yu Dumplings Kitchen, Perusahaan N.B.H.L. (N.B.H.L. Café), Kafe Teman Nongkrong, Z Co (FKA: Z & Co) (cawangan The Curve), Bt Barun 71 Café, Margherita Pizzeria (cawangan Seria), Mr. Baker's Bakeshop (cawangan Madang), Mr. Baker's Bakeshop (cawangan The Walk), SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim) (cawangan UBD Core), Three-C Café (Cha Tra Mue), (Seria), 117 Super Hotpot, Dapur Norsia, The Foodee Enterprise, D'family Wonderland Restaurant & Catering Services dan Le Tonkin Company Sdn. Bhd.

Manakala premis bagi Permohonan Baharu Permit ialah Perusahaan Bebola Emas Sdn. Bhd. (20 jenis produk) dan Double M General Store (empat jenis produk).

Sementara, premis bagi Permohonan Membaharui Sijil Halal ialah Berjaya Foods Supreme Sdn. Bhd. (Starbucks) (Cawangan Mabohai), Chicken Rice Place (Rasa Chicken) (cawangan Kuala Belait), Grand Imperial Kitchen, Bann Nucha Restaurant (cawangan The Mall), Rentak Serantau Enterprise (Papparich Restaurant), Everfirst Restaurant & Bakery, Mykopitiam (cawangan OneCity Shopping Centre), Mochi Yogurt House (cawangan Times Square), Unitea Café (cawangan Seria), Food Messenger, Nur Anisah Binti Abdullah Baculi dan Anak-Anak, Breadculture Cake-House, Joyful Kids Montessari School, Tea Express (Tealive) (cawangan Aman Hills), Hua Ho Department Store (cawangan Mulaut), Bamboo Garden Restaurant & Catering, Tea Express (Tealive) (cawangan Kiulap), Tea Express (Tealive) (cawangan Times Square), Restaurant Nasi Ayam Tey S.G., Home Taste Steamboat Restaurant, The International School (B) Sdn. Bhd. (Canteen), Restaurant and Catering Services (cawangan Sungai Tilong), Royal Brunei Catering Sdn. Bhd. (Royal Brunei Culinary) (cawangan JPMC Kafe & JPMC / TBCC Kitchen), Otcinc Sdn. Bhd. (Pizza Hut) (cawangan Sungai Tilong), dan Townview Sdn. Bhd. (The Golden Village).

Manakala premis bagi Permohonan Membaharui Permit ialah Perusahaan Bebola Emas Sdn. Bhd. (13 jenis produk) dan Bengawan Murni Beverages & Manufacturing (B) Sdn. Bhd. (dua jenis produk).

Bagi senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama *www.mora.gov.bn* atau merujuk Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal *@halal.bn* dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian melalui Whatsapp +673 7103111 atau e-mel kepada *Bkmh@mora.gov.bn*.

# Produk kosmetik dicemari bahan terlarang

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik yang mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk berkenaan dicemari dengan bahan terlarang atau bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Produk kosmetik tercemar berkenaan ialah Arche' Pearl Cream, berasal dari Thailand dan dicemari dengan merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007. Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.

Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan daripada penggunaannya dan boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk berkenaan dan/atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk berkenaan.

Berikutan dapatan tersebut, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk berkenaan termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208, menghantar e-mel kepada *pharmacy.enforcement@moh.gov.bn*, berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.




**ARCHE' Pearl Cream, produk kosmetik berasal dari Thailand, dicemari dengan merkuri.**

فليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# SEKURANG-KURANGNYA 4 MAUT SELEPAS RIBUT TROPIKA BUALOI LANDA REPUBLIK FILIPINA

**MANILA**, 26 Sept. - Sekurang-kurangnya empat orang terbunuh selepas ribut tropika Bualoi membadai Republik Filipina pada Khamis, menurut Pejabat Pertahanan Awam (OCD) pada Jumaat.

Pengarah wilayah OCD di Bicol, Claudio Yucot berkata dalam sidang media bahawa pihaknya sedang mengesahkan laporan berhubung kematian, lapor Xinhua.

Sementara itu, pengarah wilayah OCD di Eastern Visayas, Lord Byron Torrecarion melaporkan lima nelayan dari wilayah Eastern Samar masih hilang selepas turun ke laut pada Selasa lalu dan masih belum pulang sehingga Khamis.

Biro cuaca negara, Pagasa pada Jumaat memaklumkan bahawa Bualoi kini berada di kawasan tengah Republik Filipina dan bergerak ke arah barat pada kelajuan 35 kilometer sejam (km/j) dengan kelajuan angin maksimum 110 km/j serta tiupan kencang mencecah 135 km/j.

Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) turut melaporkan bahawa sebanyak 14 kematian berlaku akibat kejadian monsun barat daya serta tiga taufan berturut-turut termasuk Ragasa dan Bualoi yang melanda Filipina sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Agensi itu turut memaklumkan sekitar 303,537 keluarga atau 1,212,712 orang terjejas di seluruh negara.

Bualoi dijangka meninggalkan Republik Filipina menjelang petang Sabtu. - ©BERNAMA

## Penciptaan pekerjaan bandar Republik Rakyat China melebihi sasaran

**BEIJING**, 26 Sept. - Sehingga Ogos, sebanyak 59.21 juta pekerjaan baharu di bandar telah diwujudkan sejak permulaan tempoh Rancangan Lima Tahun Ke-14 (2021-2025), melepasi sasaran 55 juta, kata Menteri Sumber Manusia dan Keselamatan Sosial Republik Rakyat China, Wang Xiaoping pada Jumaat.

Wang menyatakan pada sidang akhbar bahawa situasi pekerjaan Republik Rakyat China secara amnya kekal stabil dalam tempoh ini dengan strukturnya terus dioptimumkan dan kualitinya terus bertambah baik.

Sejak 2021, lebih 470 bilion yuan (kira-kira USD66.06 bilion) telah diperuntukkan kepada subsidi pekerjaan, manakala lebih 130 bilion yuan telah dikeluarkan dalam bentuk bayaran balik penstabilan pekerjaan. - ©XINHUA



**PELAJAR belajar tentang maklumat pekerjaan di pameran kerja yang diadakan di Institut Teknologi Harbin di Harbin, Wilayah Heilongjiang timur laut Republik Rakyat China, 26 Mac 2025.**

## Lubang benam sedalam 50 meter muncul di Daerah Dusit

**BANGKOK**, 24 Sept. - Sebuah jalan utama di Daerah Dusit, Bangkok, mendap pada pagi Rabu, menyebabkan terbentuknya lubang benam sedalam kira-kira 50 meter di hadapan Hospital Vajira.

Menurut Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA), kejadian mendap di Jalan Samsen itu berlaku sekitar 6.30 pagi, menjejaskan utiliti awam dan menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk.

BMA berkata pemeriksaan awal mendapati mendapan berlaku berhampiran bangunan hospital, mengakibatkan dua tiang elektrik dan sebuah trak angkat susun milik Balai Polis Metropolitan Samsen terjatuh ke dalam lubang benam itu.

BMA dalam satu kenyataan pada Rabu berkata arahan pengosongan bangunan telah dikeluarkan kepada penduduk pangsapuri berhampiran.

"Pegawai Pihak Berkuasa Elektrik Metropolitan kini berada di lokasi untuk menangani situasi. Pihak berkuasa telah mula memindahkan pesakit dan penduduk di kawasan sekitar demi keselamatan.

Laluan trafik dari Persimpangan Vajira ke Persimpangan Sanghi dan kawasan sekitarnya ditutup berikutan mendapan itu, yang menjejaskan utiliti awam berhampiran dan berpotensi membahayakan pengguna jalan raya.

Pihak berkuasa tempatan mengesahkan tiada kecederaan dilaporkan setakat ini.

Gabenor Bangkok Chadchart Sittipunt melawat lokasi kejadian untuk meninjau serta menilai keadaan, selain menyelaras bantuan bagi menangani masalah jalan mendap itu. - ©BERNAMA

## Taufan Super Ragasa landa Republik Filipina, 6 terbunuh

**MANILA**, 24 Sept. - Hujan lebat dan angin kencang daripada Taufan Super Ragasa membadai utara Filipina sejak beberapa hari lepas, mencetuskan banjir, tanah runtuh yang meragut nyawa serta kemusnahan besar di seluruh kepulauan itu, lapor Xinhua.

Pengawal Pantai Republik Filipina (PCG) pada Rabu melaporkan empat mayat ditemukan daripada sebuah bot nelayan yang karam di perairan Wilayah Cagayan, menjadikan jumlah korban akibat Ragasa meningkat kepada enam orang.

Enam mangsa berjaya diselamatkan manakala operasi mencari tiga lagi yang masih hilang diteruskan, menurut PCG.

Terdahulu, PCG memaklumkan seorang lelaki berusia 67 tahun ditemukan mati di pesisir pantai Bandar Agoo, Wilayah La Union pada Selasa. Mangsa dilaporkan hilang selepas terjatuh ke dalam sungai ketika ribut pada Isnin.

Di Wilayah Benguet yang tidak berpantai, seorang lelaki berusia 74 tahun maut selepas tanah runtuh menghempap kenderaannya di Lebuh Raya Bandar Tuba. Beberapa penumpang daripada kereta lain turut cedera.

Digelar 'Raja Ribut', Ragasa membadai daratan dengan angin kencang dan hujan tanpa henti, menenggelamkan sebahagian besar kawasan di utara Luzon. Beberapa komuniti ditenggelami air, rumah musnah dan jalan utama terputus akibat banjir serta timbunan runtuhan.

Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) berkata lewat Selasa bahawa Ragasa bersama monsun barat daya telah menjejaskan sekitar 54,000 keluarga atau 192,000 orang di 950 kampung di seluruh negara.

Walaupun Ragasa telah keluar daripada kawasan tanggungjawab Republik Filipina pada Selasa, pihak berkuasa kini memantau satu lagi gangguan cuaca baharu, ribut tropika Bualoi.

Biro cuaca negara, PAGASA, berkata Bualoi bergerak ke arah barat-barat daya dengan kelajuan 20 kilometer (km) sejam, membawa angin maksimum 65 km sejam dengan tiupan kencang mencecah 80 km sejam. Ribut itu dijangka bertambah kuat dan boleh mencapai kategori ribut tropika teruk menjelang Khamis malam.

"Peningkatan kekuatan selanjutnya, terutama selepas melalui daratan Republik Filipina, tidak boleh diketepikan," kata PAGASA.

Biro itu juga memberi amaran kemungkinan banjir pantai akibat ombak besar di kawasan rendah di Republik Filipina tengah, sambil menggesa penduduk supaya terus berwaspada. - ©BERNAMA

## Gempa bumi bermagnitud 6.1 gegarkan Republik Bolivarian Venezuela

**BOGOTA**, **Colombia**, 25 Sept. - Gempa bumi bermagnitud 6.1 menggegarkan beberapa bahagian Republik Bolivarian Venezuela lewat Rabu dan turut dirasai di beberapa bandar di Colombia, menurut Perkhidmatan Geologi Colombia (SGC), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Gegaran itu berpusat di Bandar Mene Grande, Republik Bolivarian Venezueladan berlaku pada 6.21 petang waktu tempatan (2221 GMT).

Gempa bumi itu menimbulkan kegusaran dalam kalangan penduduk di kedua-dua negara, namun setakat ini, tiada mangsa atau kerosakan harta benda dilaporkan di kawasan terjejas di Republik Bolivarian Venezuela.

Gegaran turut dirasai di beberapa bandar Colombia termasuk Cucuta dan Bucaramanga, serta kawasan pantai Caribbean yang berhampiran dengan pusat gempa seperti La Guajira.

Unit Pengurusan Risiko Bencana Negara Colombia (UNGRD) segera memaklumkan kepada orang ramai bahawa tiada ancaman tsunami.

Pihaknya menjelaskan berdasarkan Direktorat Maritim Am (Dimar), "tiada ancaman tsunami untuk pantai Caribbean Colombia" akibat gempa bumi itu.

Pihak berkuasa di kedua-dua negara sedang memantau situasi bagi menilai sebarang kesan lanjut. SGC turut memaklumkan, negara jiran itu mengalami beberapa pergerakan seismik dalam beberapa jam kebelakangan ini.

Gempa bumi adalah perkara biasa di kawasan sempadan antara Colombia dan Republik Bolivarian Venezuela kerana aktiviti tektonik, terutamanya hasil interaksi antara plat Caribbean dan plat Amerika Selatan.

Gempa bumi kali ini antara gempa bumi paling kuat yang dilaporkan setakat tahun ini. - ©BERNAMA

## 10 maut akibat hujan lebat landa Kolkata, Timur Republik India

**NEW DELHI**, 24 Sept. - Hujan lebat di Kolkata, timur Republik India meragut sekurang-kurangnya 10 nyawa, dengan majoriti mangsa dipercayai maut akibat terkena renjatan elektrik, kata pegawai pada Selasa.

Hujan berterusan sejak malam Isnin hingga pagi Selasa menenggelamkan sebahagian besar kawasan sehingga hampir melumpuhkan kehidupan seharian, menjejaskan lalu lintas serta aktiviti penduduk.

Jalan raya digenangi air, manakala kawasan perumahan turut dinaiki air, lapor Xinhua.

Banyak kenderaan terperangkap berjam-jam di beberapa persimpangan utama termasuk Park Circus, Gariahat, Behala dan College Street, manakala perkhidmatan kereta api pinggir bandar dan metro turut terjejas.

Kematian direkodkan dalam beberapa insiden berasingan di Beniapukur, Kalikapur, Netaji Nagar, Gariahat, Ekbalpur, Behala dan Haridevpur.

"Sekurang-kurangnya sembilan daripada kematian itu disebabkan oleh renjatan elektrik," kata seorang pegawai.

Menurut Jabatan Meteorologi Republik India (IMD), hujan lebat mencecah 251.4 milimeter dalam tempoh kurang 24 jam itu merupakan yang tertinggi sejak 1986 dan keenam tertinggi dalam rekod hujan harian bagi tempoh 137 tahun.

IMD menjelaskan fenomena itu berpunca daripada sistem tekanan rendah di Teluk Bengal.

Kejadian itu turut menjejaskan operasi penerbangan di Lapangan Terbang Kolkata dengan lebih 100 penerbangan terkesan - 62 dibatalkan dan 42 lagi ditangguhkan. - ©BERNAMA

# SUKAN BORNEO KE-6 2025 DIRASMIKAN

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Tangkap Layar dari Facebook Borneo Games 2025

**KUCHING, SARAWAK**, Khamis, 25 September. - Temasya Sukan Borneo Ke-6 2025 membuka tirainya secara rasmi kelmarin di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

Majlis Perasmian Sukan Borneo Ke-6 itu disempurnakan oleh Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah.

Sukan Borneo Ke-6 kali ini akan mempertandingkan sebanyak lapan acara sukan iaitu Olahraga, Renang, Badminton, Memanah, Boling Padang dan Golf VIP serta dua sukan tradisional iaitu Tarik Tali dan Menyumpit.

Temasya sukan ini akan berlangsung dari 24 hingga 28 September dan akan disertai lebih 380 orang atlet dari lima kontinjen mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kalimantan Timur.

Kontinjen NBD disertai oleh seramai 36 orang ahli terdiri daripada 25 orang atlet, lima orang jurulatih dan enam orang pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) dan diketuai oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku Chef de Mission.

Pada edisi Sukan Borneo kali ini, NBD akan menyertai sebanyak lima daripada lapan acara sukan yang dipertandingkan iaitu Akuatik (Renang), Badminton, Olahraga, Boling Padang dan Tarik Tali.




**SESI bergambar ramai para ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perasmian Sukan Borneo Ke-6 yang diadakan di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.**

# Sukan Borneo 2025 : Brunei raih 2 pingat emas



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Borneo Ke-6

**KUCHING**, **Sarawak**, Khamis, 25 September. - Negara Brunei Darussalam meraih dua pingat emas dalam acara renang di Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025, di sini.

Dalam acara 50 meter (m) Kuak Lentang Wanita yang berlangsung di Pandelela Rinong Aquatic Centre, atlet Negara Brunei Darussalam, Dayang Sharmeen binti Mohammad Mharvin mencatat masa 30:81 saat sekali gus meraih pingat emas mengatasi atlet Sarawak, Shanise Jauwa Anak Joseline Adong di tempat kedua dengan pingat perak dan Christy Yau Xuan Wong di tempat ketiga dengan pingat gangsa.

Sementara itu, emas kedua negara diraih oleh Joel Ling Thai Yu menerusi acara renang 50m Kuak Lentang Lelaki dengan catatan masa 27.25 saat mengatasi atlet Sarawak, Jeff Yu Yang Chua dengan pingat perak dan atlet Sabah, Samuel Chong Cheng Ng yang meraih pingat perak.

Dalam acara olahraga lelaki kategori 1,500m berlangsung di Stadium Sarawak, Petra Jaya, Mohammad Arif bin Zulkifli meraih gangsa.

Sementara itu, Akhbar Tanjung dari Kalimantan Timur mendominasi acara dengan meraih pingat emas dengan catatan masa 04:11:09 menewaskan Danial Hakim bin Mohammed Omar dari Sarawak yang meraih pingat perak dengan catatan masa 04:11:63.

**JOEL Ling Thai Yu meraih pingat emas menerusi acara renang 50m Kuak Lentang Lelaki di Sukan Borneo 2025 di Kuching, Sarawak.**




PELITA BRUNEI




# MENINGKATKAN DAYA SAING, PENGLIBATAN AKTIF KAKITANGAN




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri dan kiri sekali).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BERAKAS**, Jumaat, 26 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada hari ini telah mengadakan Peringkat Akhir Kejohanan Ten Pin Bowling sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke- 35, Tahun 2025 di Golden Bowling, The Airport Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Kejohanan Ten Pin Bowling berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan serta memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.

Kejohanan berkenaan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Kategori VIP Lelaki dengan penyertaan seramai 14 peserta, Kategori VIP Perempuan dengan lapan peserta, Kategori Berpasukan Lelaki disertai 34 pasukan, dan Kategori Berpasukan Perempuan dengan penyertaan 32 pasukan.

Penyertaan bagi kejohanan berkenaan telah dibukakan kepada pegawai, kakitangan serta tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan KHEU termasuk Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Antara tujuan kejohanan berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan aktif warga Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Selain itu, kejohanan berkenaan diharap dapat memupuk semangat keharmonian dan silaturahim antara kakitangan kedua-dua kementerian.

Kejohanan Ten Pin Bowling berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.

# Sukan Borneo 2025: Atlet renang NBD raih pingat perak, gangsa

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Borneo Ke-6**

**KUCHING**, **Sarawak**, Jumaat, 26 September. - Atlet Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Danniel Chan Zhi Zhen, Dylan Wong Wei Shen, Nur Haziq Samil dan Joel Ling Thai Yu bagi acara renang 4x100 meter (m) Medley Relay Lelaki telah merangkul pingat perak dalam temasya Sukan Borneo Ke-6 yang berlangsung hari ini.

Dalam acara yang berlangsung di Pandelela Rinong Aquatic Centre itu, atlet Sarawak yang diwakili oleh Jeff Yu Yang Chua, Darren Yi Chen Leong, Matthias Ming Zhi Liew dan Ryan Colby Poh Yuan Kueh meraih pingat emas selepas mencatat masa 4:05:41 saat. Manakala atlet Labuan yang diwakili oleh Hafuza Zunnur Zafran bin Hamid, Dylan Yu Herng Su, Muhammad Danial Saffwan bin Awang Sulaiman dan Azriel Jeffri Chin meraih pingat gangsa dengan catatan masa 4:34:74 saat.

Dalam acara renang 200m Kuak Lentang Lelaki, dua atlet negara, Joel Ling Thai Yu dan Danniel Chan Zhi Zhen masing-masing meraih pingat perak dan gangsa.

Dalam acara renang 200m Perseorangan Medley Lelaki, Joel Ling Thai Yu sekali lagi meraih pingat perak selepas mencatat masa 2:15:17 saat mengatasi atlet Sarawak, Sheamus Heng Yi Chew yang meraih pingat gangsa.

Sementara itu, seorang lagi atlet negara, Dayang Sharmeen binti Mohammad Mharvin merangkul pingat gangsa dalam acara renang 200m Kuak Lentang Wanita.

Setakat hari ini, Negara Brunei Darussalam telah meraih 11 pingat iaitu dua pingat emas, tiga pingat perak dan enam gangsa.



**DANNIEL Chan Zhi Zhen, Dylan Wong Wei Shen, Nur Haziq Samil dan Joel Ling Thai Yu merangkul pingat perak bagi acara renang 4x100m Medley Relay Lelaki di Sukan Borneo Ke-6.**

# Tahukah Awda

**SEJAK** diperkenalkan pada tahun 2004, Anugerah ICT Brunei (BICTA) telah menjadi wadah penting dalam menggalakkan persaingan sihat serta inovasi ICT dalam kalangan individu, pelajar dan juga organisasi sama ada daripada sektor awam mahupun swasta. Ia bertujuan sebagai penanda aras bagi syarikat ICT tempatan dan institusi pendidikan untuk bersaing antara satu sama lain dan untuk mewakili Negara Brunei Darussalam dalam Perikatan ICT Pasifik (APICTA).

**SUMBER :** *Pelita Brunei / http://www.bicta.gov.bn/*